



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1305]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 1368]

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 1391]

Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) [Ruangan 1425]

USUL-USUL:

Akta Kastam 1967—

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1984
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1984
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1984
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1984
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1984
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1984
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1984
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1984

} [Ruangan 1375]

KANDUNGANNYA—(samb.)

- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1984
 - (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1984
 - (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1984
 - (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1985
 - (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1985
 - (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1985
 - (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1985
 - (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1985
 - (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1985
 - (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1985
 - (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1985
 - (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1985
 - (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1985
 - (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1985
- } [Ruangan 1375]

Akta Eksais 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1985 [Ruangan 1382]

Akta Cukai Jualan 1972—

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985 [Ruangan 1384]

The Bretton Woods Agreements Ordinance 1957—Saham Tambahan
[Ruangan 1385]

Aturan Urusan Mesyuarat—

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan)—Menangguhkan Bacaan Kali
Kedua [Ruangan 1424]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S., (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput)

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S., (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N., (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N.
(Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J. P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J. P.I.S. (PAGOH).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAN BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K., (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN
MUSTAFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri
Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T., (Kuala
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.
(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

„ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

„ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P, J.P. (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TING LING KIEW (BINTULU).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 5hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT—
PEMBESARAN RUANG
MESYUARAT

1. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membesarkan ruang mesyuarat Dewan Rakyat. Jika tidak apakah rupa bentuk penyesuaian yang boleh dilakukan supaya sesuai dengan pertambahan Kerusi Dewan Rakyat sebanyak 23 buah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan ubahsuaian dan memperbaiki Bangunan Parlimen. Pengubahsuaian itu termasuklah menambahkan bilangan tempat duduk di dalam Dewan yang mulia ini iaitu sesuai dengan pertambahan Kerusi Dewan Rakyat.

Di samping itu, Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak \$12 juta bagi tujuan pengubahsuaian dan pembaikan alat-alat kelengkapan dan perabot serta lain kemudahan iaitu

termasuklah memperbaiki bumbung, tandas, sistem hawa dingin, pendawaian elektrik dan sistem mengegah kebakaran. Lampu-lampu akan ditambah untuk mencerahkan lagi Dewan ini. Selain daripada itu pengindahan kawasan Bangunan Parlimen akan juga diberi perhatian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja pengubahsuaian untuk itu akan dikendalikan oleh Jabatan Kerjaya tidak berapa lama lagi. Adalah dijangkakan kerja-kerja tersebut akan disiapkan dalam tempoh 6 hingga 9 bulan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya, adakah pertambahan kerusi di dalam Dewan ini yang akan dibuat mengambil kira juga kemungkinan pertambahan bilangan ahli-ahli Dewan pada 10 tahun, 20 tahun dan 30 tahun yang akan datang? Yang keduanya, apa bentuk pengubahsuaian kerusi ahli-ahli Dewan yang akan dibuat. Adakah kerusi-kerusi yang sedia ada ini akan dikecilkan. Kalau dikecilkan, bagaimana kedudukan sahabat saya daripada Parit Buntar yang bersaiz besar. Yang ketiga, adakah pengubahsuaian yang akan dilaksanakan itu akan juga mengambil kira keselesaan semasa Parlimen mengadakan sidang bersama seperti perasmian penggal Parlimen oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai tambahan kerusi. Peringkat awal yang telah mengambil kira untuk menambah sebanyak 24 buah kerusi lagi kerana pada masa ini terdapat 160 buah kerusi. Tambahan sebanyak 24 buah kerusi sebenarnya perlu dibuat dan dalam rangka Kerajaan memikirkan tambahan ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk menjawab soalan satu, dua dan tiga.

Yang Berhormat Menteri Kerjaya akan mengemukakan satu rangka cadangan kepada Kerajaan yang mana kita akan membincangkan secara keseluruhan keperluan tambahan kerusi-kerusi itu. Mengambil kira juga apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, Ahli Dewan sendiri ada yang besar, ada yang kecil, ada yang tinggi, ada yang rendah dan sebagainya. Ukuran panjang kaki pun akan kita mengambil kira, insya Allah. Dan kita juga cuba memberi keselesaan kerana kita tahu sekarang ini Ahli-ahli Dewan begitu selesa sekali duduk, sehingga ada yang berkeruh. Ini juga kita mengambil kira setakat mana kita boleh memenuhi segala hasrat ini terpulanglah dan terkandunglah di dalam cadangan yang akan nanti kita bincang yang akan datang daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang saya sebutkan tadi.

ORANG-ORANG CACAT— BANCIAN

2. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bilakah banciaan secara menyeluruh bilangan orang-orang cacat di seluruh negara. Apakah asas yang digunakan bagi menentukan program-program bagi orang-orang cacat.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Kebajikan Masyarakat akan mengadakan satu kempen pendaftaran mulai bulan Oktober, 1985 untuk mendaftar orang-orang cacat di seluruh negara. Kempen ini akan dihebahkan kepada orang ramai melalui semua media massa tidak berapa lama lagi.

Untuk memudahkan keluarga orang-orang cacat mengisi borang pendaftaran, urusan pendaftaran akan dijalankan melalui temuramah oleh pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain pegawai dari agensi-agensi Kerajaan yang terlibat serta ketua-ketua kampung dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

Di antara tujuan bagi mengadakan kempen ini adalah seperti berikut:

- (1) mengetahui dengan sebenarnya jumlah orang cacat yang ada dalam negara ini;
- (2) mengetahui peringkat umur, jenis kecacatan setiap individu yang berkenaan dan juga tempoh mereka mengalami kecacatan; dan
- (3) mendapat maklumat yang jelas mengenai alamat mereka untuk membolehkan Kementerian Kebajikan Masyarakat mengetahui taburan mereka di negeri-negeri di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini program-program yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan untuk orang-orang cacat adalah di antara lain:

- (1) mengadakan institusi-institusi kebajikan yang memberi kemudahan pemulihan dan latihan;
- (2) menjalankan perkhidmatan luar di mana bentuk diberi kepada orang-orang cacat untuk memberi alat-alat tiruan dan sebagainya;

- (3) Mewujudkan program pemulihan berkuniti di mana ibu bapa dan masyarakat tempatan dilibatkan secara langsung dalam pemulihan orang-orang cacat; dan
- (4) mengadakan bengkel-bengkel terlindung untuk memberi pekerja dan peluang urusniaga kepada orang cacat yang mahir, tetapi tidak dapat berbuat demikian secara bersendirian disebabkan kecacatan mereka.

Program-program seumpama ini telah dirancang oleh Kementerian saya berdasarkan kepada dua faktor utama iaitu yang pertama, keperluan orang-orang cacat dan yang kedua, kemampuan Kerajaan dari segi kewangan dan tenaga iktisas.

Selain daripada itu, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan kepada semua pihak bahawa kebajikan orang-orang cacat bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi adalah merupakan tanggungjawab bersama. Justeru itu, Kementerian saya juga akan terus menggalakkan dan membantu pertubuhan-pertubuhan sukarela dan juga masyarakat tempatan untuk mengadakan program dan kemudahan bagi orang-orang cacat di negara ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah takrif yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk menentukan sama ada seseorang itu cacat ataupun tidak.

Kedua, oleh kerana kita masih lagi tidak menjalankan bancian, jadi kita tidak ada angka yang tepat mengenai jumlah orang cacat yang terdapat di negara kita. Walaupun mungkin Yang Berhormat Menteri ada mempunyai angka anggaran yang kasar, berdasarkan angka ini bagaimanakah kedudukan negara kita dari segi

peratus jumlah penduduknya, jumlah orang cacat jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain.

Ketiga, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa salah satu daripada program-program yang akan dijalankan adalah bergantung kepada kemampuan Kerajaan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada setakat ini Yang Berhormat Menteri pernah menerima sumbangan daripada pihak swasta ataupun pihak perseorangan bagi menjalankan program-program untuk membantu orang-orang cacat di negara kita.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi takrif orang-orang cacat, suka saya menyatakan bahawa apa yang kita takrifkan "orang cacat" adalah termasuk ke dalam empat kumpulan iaitu yang pertama, orang cacat penglihatan atau buta dan juga yang kurang penglihatan, yakni penglihatan mereka tidak begitu terang tidak seperti kita yang ada dalam Dewan ini.

Yang kedua ialah cacat anggota sama ada kaki kudung ataupun tidak ada kaki, tidak ada tangan ataupun lain-lain pancaendera yang kita golongkan sebagai cacat anggota.

Yang ketiga, cacat pendengaran ialah mereka yang kurang dengar ataupun tidak dengar langsung ataupun pekak.

Dan keempat, ialah cacat akal iaitu akal mereka tidak sempurna dan tidak mempunyai keupayaan seperti orang biasa.

Semua ini adalah termasuk dalam golongan orang cacat dan ada di antara mereka yang mempunyai kecacatan lebih daripada satu. Apa yang saya maksudkan di sini iaitu kadangkala ada yang buta dan tidak mendengar pula, ada yang cacat akal dan juga cacat anggota.

Soalan Yang Berhormat yang kedua, iaitu dari segi bilangan orang cacat yang ada dalam negara kita ini, pada masa ini bilangan yang telah didaftarkan di Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah sebanyak 26,173 orang dan mereka terdiri daripada cacat penglihatan sebanyak 8,268; cacat anggota sebanyak 9,043, cacat pendengaran sebanyak 4,369 dan cacat akal sebanyak 4,493.

Dari segi angka yang kita ada pada masa ini, Kementerian berpendapat bahawa ianya tidak cukup ataupun tidak tepat kerana mengikut angka-angka antarabangsa, iaitu "standard" yang digunakan bagi mengenalpasti orang cacat di peringkat antarabangsa, adalah sebanyak 10% daripada penduduk-penduduk yang ada dalam sesebuah negara. Jadi, bolehlah kita lingkungan kalau negara kita mempunyai sebanyak 15.4 juta orang mungkin ada 150,000 yang cacat. Walaupun demikian, kita tidak dapat hendak perkatakan sama ada tinggi ataupun rendah angka 26,173 pada masa ini. Itulah sebabnya mengapa kita ingin mengadakan kempen pendaftaran secara besar-besaran ini.

Soalan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai sumbangan orang ramai, syarikat-syarikat dan sebagainya terhadap orang cacat, bolehlah dikatakan pada masa ini memuaskan; mereka telah memberi bantuan kepada persatuan-persatuan yang tertentu ataupun kepada Tabung Yayasan Kebajikan Negara. Angka-angkanya tidak dapat diberi kerana mereka tidak menumpukan segala sumbangan terus kepada orang cacat, tetapi adalah menumpukan kepada urusan Kebajikan pada keseluruhannya. Suka juga saya menyatakan bahawa Kementerian tidak menerima apa-apa bantuan daripada badan-badan yang berkenaan; tetapi sebaliknya badan-badan yang berkenaan menerima

bantuan daripada Kerajaan sebanyak 29 pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menjalankan kegiatan bagi orang cacat telah pun diberi bantuan berupa wang ringgit pada tiap-tiap tahun dan sebanyak \$855,500 telah diberi oleh Kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan untuk menguruskan kebajikan orang-orang cacat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan program-program bagi orang cacat saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah perhatian serius yang diberi kepada aspek peluang-peluang pekerjaan untuk orang-orang cacat yang telah diberi latihan dan juga apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa peluang-peluang pekerjaan untuk orang cacat dapat disediakan sekadar cukup oleh pihak awam dan juga pihak swasta.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya perkatakan tadi, salah satu daripada usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan ialah bagi mengadakan bengkel-bengkel terlindung iaitu sheltered workshops, dengan izin, untuk memberi pekerjaan dan peluang urusniaga kepada orang cacat yang mahir tetapi tidak dapat berbuat demikian secara bersendirian oleh sebab kecacatan mereka. Di samping itu juga, Kementerian memang berusaha jika didapati bahawa ada di antara mereka yang cacat mempunyai kebolehan ataupun kemahiran merujuk mereka kepada jabatan-jabatan Kerajaan ataupun syarikat-syarikat swasta yang berkenaan. Kita berharap bahawa bukan sahaja pihak Kerajaan dan agensi-agensinya, tetapi juga syarikat-syarikat swasta akan memberi peluang yang lebih kepada mereka yang cacat itu untuk mendapat pekerjaan. Pada keseluruhannya sambutan daripada

pihak swasta belumlah begitu menggalakkan pada masa ini dan saya berharap mereka akan tampil ke hadapan untuk berbuat demikian.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada bentuk bancian yang dicadangkan tadi adakah bentuk bancian yang lain seperti screening dengan pemeriksaan awal di klinik-klinik Kerajaan dan desa dan sebagainya untuk menentukan angka yang sebenarnya seperti yang pernah dicadangkan oleh Kementerian yang berkenaan iaitu untuk mengadakan Pusat Panduan Kanak-kanak yang mula-mula dicadangkan akan diadakan di Hospital Besar, Kuala Lumpur tetapi apakah yang terjadi dengan cadangan ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan terutama sekali Kementerian Kesihatan memang ada menjalankan early screening ataupun screening awal bagi mereka didapati ataupun dikesan mengalami penyakit-penyakit yang boleh melibatkan kecacatan anggota dan juga akal. Jadi, pada masa ini, terutama sekali dari segi perkhidmatan luar bandar, Jabatan Kesihatan sedang berbuat demikian. Sebagaimana yang saya perkatakan tadi, pada masa ini hanya kita menerima kes-kes yang datang sama ada ke Pejabat Kesihatan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dapat kita kesan. Tetapi, kalau kita sudah mengadakan bancian yang menyeluruh ataupun kempen yang menyeluruh maka kita akan tahu kedudukan sebenarnya, kemudian baharu dirancang suatu yang lebih positif lagi.

PENILAIAN KESAN-KESAN ALAM SEKITAR

3. Dr Kok Tsu Koon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bila dan bagaimana garis

panduan-garis panduan Penilaian kesan-kesan Alam Sekitar akan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Apakah sebab-sebabnya pelaksanaan garis panduan-garis panduan ini ditangguh-tangguhkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, Garis Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar (Environment Impact Assessment) atau ringkas EIA telah pun disediakan bagi tujuan menggabungkan pertimbangan alam sekitar di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan. Garis panduan tersebut masih di dalam peringkat percubaan dan hanya boleh dilaksanakan secara progresif. Pada masa kini, pihak Kementerian saya telah memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dengan menarik perhatian mereka kepada Garis Panduan tersebut supaya Kerajaan-kerajaan Negeri memberi perhatian yang tegas untuk mengadakan kajian EIA bagi projek-projek pembangunan yang besar sebagai satu syarat di dalam projek itu. Dalam hubungan ini, adalah tidak benar bahawa pelaksanaan Garis Panduan ini telah ditangguh-tangguhkan.

Pelaksanaan Garis Panduan itu tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana ketiadaan kuasa undang-undang yang mewajibkan pemaju projek menjalankan kajian penilaian kesan alam sekitar.

Adalah dicadangkan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekililing 1974 dan pindaan-pindaan itu akan mengadakan perbekalan di mana kajian penilaian kesan alam sekitar hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk mendapatkan kelulusan berkaitan dengan projek-projek yang mungkin membawa kesan kepada alam

sekeliling. Adalah diharapkan pindaan kepada Akta tersebut akan dapat dilaksanakan pada tahun depan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri membuat penjelasan. Sebelum rumusan dan pelaksanaan penilaian kesan-kesan alam sekitar itu, benarkah Kementerian berkenaan membuat perundingan dengan pihak persatuan-persatuan sukarela seperti EPSM (Environmental Protection Society Malaysia) ataupun sahabat alam sekitar (Consumer Association) dan lain-lain, dan jika tidak, mengapa tidak.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada bermesyuarat dari semasa ke semasa dengan persatuan-persatuan tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan-pindaan yang akan dicadangkan oleh Kementerian yang berkenaan, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian juga bercadang untuk mewajibkan supaya dijalankan penilaian kesan-kesan alam sekitar (EIA) ke atas semua projek-projek pembangunan sebelum projek ini boleh mendapat kelulusan dan dilaksanakan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, ini akan ditimbang.

PER KAPITA RAKYAT MALAYSIA

4. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang, penentuan per kapita rakyat Malaysia ini dibuat mengikut kelompok pendapatan tinggi, kelompok pendapatan sederhana kelompok

pendapatan rendah, memandangkan cara perkiraan yang dibuat sekarang yang berdasarkan KDNK bukanlah satu petunjuk yang tepat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, konsep per kapita berdasarkan Keluaran Negara Kasar (KNK) dan bukannya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Adalah satu ukuran yang standard yang telah diterima dan digunakan bagi tujuan perbandingan di peringkat antarabangsa. Konsep per kapita ini diakui mengandungi beberapa kelemahan tetapi konsep ini merupakan salah satu asas pengukuran yang anggap sesuai bagi tujuan mengukur tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara secara am sahaja.

Kelemahan utama yang selalu disebut mengenai konsep per kapita ini adalah berkaitan dengan soal pembahagian ataupun pengagihan pendapatan di kalangan penduduk sesebuah negara yang berkenaan. Dari segi ini kita cuba mengatasi dengan mengemukakan perangkaan-perangkaan lain yang menggambarkan kedudukan taburan pendapatan berasaskan bilangan isi rumah selaras dengan usaha-usaha kita untuk mengetahui kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jadual-jadual mengenai taburan pendapatan seperti yang ditunjukkan dalam dokumen-dokumen Rancangan Lima Tahun, misalnya, JADUAL 3-8 yang terdapat dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Sungguhpun cara pengukuran yang berasaskan konsep pendapatan purata dan pendapatan penengah tidak mengatasi sepenuhnya masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, konsep tersebut dapat memberi gambaran yang lebih hampir mengenai isu agihan pendapatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pihak Kerajaan sentiasa mengkaji kedua-dua cara atau konsep pendapatan sama ada yang berasaskan per kapita Keluaran Negara Kasar ataupun isi rumah bagi tujuan mengemukakan kepada rakyat kedudukan pendapatan dan kebajikan negara dengan lebih tepat lagi.

Dalam usaha ini pihak Kerajaan juga menggunakan maklumat-maklumat taburan pendapatan yang berasaskan kumpulan-kumpulan tertentu seperti kumpulan teratas 20%, kumpulan pertengahan 40% dan kumpulan terendah 40%. Lain-lain ukuran yang boleh menunjukkan perbezaan pendapatan juga sentiasa diambil kira. Berdasarkan penjelasan ini saya berpendapat soal mengubah penggunaan konsep per kapita kepada asas kelompok pendapatan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya tidaklah perlu diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Edmund Langgu anak Saga.

(Soalan No. 5 Y.B. Datuk Edmund Langgu anak Saga tidak hadir).

UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN/ TARIF AMERIKA

6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa undang-undang perdagangan dan tarif Amerika Syarikat adalah sangat ketat bagi negara-negara ASEAN, jika ya, apakah usaha yang Malaysia akan ambil bagi meminta Amerika Syarikat mengendurkan dan adakah perkara ini akan dibangkitkan oleh Menteri-menteri Ekonomi Asean dalam dialog Asean-Amerika yang Keenam yang dijadualkan di Washington pada awal bulan April ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa Undang-undang Perdagangan dan Tarif Amerika Syarikat 1984 mempunyai beberapa peruntukan yang boleh memberi kesan negatif kepada perdagangan Malaysia dan ASEAN dengan negara tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat baru-baru ini para Menteri Ekonomi ASEAN telah pun mengadakan perundingan secara informal dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Encik William Brock. Dalam rundingan tersebut, ASEAN telah melahirkan kebimbangan terhadap Undang-undang Perdagangan dan Tarif Amerika Syarikat dan merayu kepada Amerika Syarikat supaya melaksanakan undang-undang tersebut secara "flexible" supaya tidak menjejaskan eksport daripada negara-negara ASEAN. Perkara ini juga akan dibangkitkan di dalam dialog ASEAN-Amerika yang keenam di Washington pada awal bulan April ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar mengenai laporan bahawa cukai ataupun tarif-tarif ke atas barang-barang tekstil Malaysia telah dibatalkan oleh Amerika Syarikat? Adakah barang-barang yang lain yang tidak akan dikenakan cukai?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di Washington Textile Agreement disiapkan dan barang-barang tekstil tidak dikenakan tarif tentang negara kita.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sama ada Kerajaan bercadang menyatupadukan semua negara-negara ASEAN untuk menentang USA secara perdagangan.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ASEAN Economic Minister ada membuat satu

rundingan dengan William Brock hendak menubuhkan satu arrangement, dengan izin, antara Amerika Syarikat dengan ASEAN.

DOKTOR DI LUAR BANDAR—KEKURANGAN

7. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kekurangan doktor masih berlaku dengan ketara sekali di luar-luar bandar. Jika sedar apakah tindakan segera Kementerian supaya doktor-doktor mencukupi di hospital dan pusat-pusat kesihatan daerah; terutama Pusat Kesihatan Besar Pasir Puteh, Kelantan yang terdapat kekurangan doktor perubatan dan doktor gigi begitu ketara sekali, dengan beban merawat beratus-ratus pesakit dalam sehari; yang mengakibatkan pemeriksaan kurang rapi dan memuaskan kepada pesakit-pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara masih menghadapi kekurangan doktor, tiap-tiap rakyat yang memerlukan rawatan doktor akan dapat perkhidmatan ini dan mereka tidak pernah diketepikan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menambah bilangan doktor-doktor ialah dengan mendapatkan doktor-doktor secara kontrak dari luar negeri dan doktor-doktor bukan warganegara yang menjadi isteri kepada rakyat Malaysia telah juga diambil untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Secara langkah-langkah jangka panjang, bilangan mahasiswa yang mengikuti kursus perubatan di dalam dan di luar negeri sedang juga dipertingkatkan.

Pada masa ini terdapat 2 orang doktor perubatan dan 2 orang doktor pergigian yang sedang berkhidmat di

Pusat Kesihatan Besar Pasir Puteh, Kelantan. Bilangan doktor-doktor ini dapat menampung keperluan semasa penduduk-penduduk yang tinggal di Pasir Puteh dan juga di kampung-kampung di sekitarnya. Bilangan doktor-doktor perubatan di Pasir Puteh akan ditambah apabila perlu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana secara kebetulan selepas soalan dibuat, di Pusat Kesihatan Besar Pasir Puteh dapat tambahan doktor, sebagaimana yang disebut oleh Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua:
Soalannya?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Mohamad: Soalannya, oleh kerana kekurangan doktor Kerajaan ini agak ketara sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan juga perkhidmatan kepada rakyat agak tidak memuaskan, apakah tindakan Kerajaan supaya doktor-doktor swasta dapat memberi sumbangan khidmat secara percuma kepada rakyat bagi masa-masa tertentu; sehari ataupun sejam ataupun dua jam tertentu supaya dapat membantu Kerajaan dalam kekurangan rawatan kepada rakyat yang miskin terutama di luar bandar.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang mengaturkan untuk pakar-pakar yang terdapat di sektor swasta membantu kemudahan-kemudahan Kementerian dalam beberapa bidang kepakaran. Kita harap dapat memulakan dengan bidang kepakaran anaesthesiology sebagai satu contoh cara kita melaksanakan projek ini. Di Kementerian belum ada cadangan untuk membawa masuk ke hospital-hospital doktor-doktor biasa untuk membantu dalam rawatan, walaupun itu adalah atau aspek yang boleh

dikatakan sebagai extension, dengan izin, kepada konsep yang digunakan untuk pakar-pakar.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramai daripada doktor-doktor di hospital-hospital ini berkurangan daripada satu masa ke satu masa oleh kerana ramai daripada doktor-doktor ini apabila cukup masa mereka berhenti. Jadi saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kesihatan, adakah Kementerian Kesihatan ini bercadang mengadakan satu peraturan ataupun satu undang-undang yang mana tiap-tiap doktor yang tamat daripada universiti-universiti ini, apabila mereka tamat bertugas dengan Kerajaan dan mengadakan satu syarat, sekurang-kurangnya antara 15 ke-20 tahun bertugas dengan Kerajaan ataupun dibalikannya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini juga kita sudah ada kuasa di bawah Akta Perubatan untuk mewajibkan perkhidmatan doktor-doktor dengan pihak Kerajaan selama 3 tahun dan perkara kewajipan itu pun sudah dirasakan sebagai satu yang pahit di kalangan doktor-doktor. Jadi Kementerian bercadang meneruskan keadaan itu iaitu mewajibkan 3 tahun. Tidak ada cadangan pada masa ini untuk memanjangkan tempoh kewajipan itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar terdapat doktor-doktor yang enggan untuk dihantar berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar atau di pendalaman? Jika benar, apakah langkah-langkah yang berkesan lagi membina untuk menimbulkan minat doktor-doktor ini seperti mengadakan elaun yang istimewa dan sebagainya supaya mereka ingin berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang kedua, adakah doktor-doktor yang terdiri daripada Wakil-wakil Rakyat pernah memberi khidmat percuma kepada rakyat?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama iaitu adakah doktor yang enggan pergi bertugas di kawasan pendalaman, memang ada. Bukan sahaja ke kawasan pendalaman, tetapi juga ada ramai doktor di Terengganu umpamanya yang tidak mahu dilantik semula di Terengganu juga, mahu berhijrah ke Kuala Lumpur dan sebagainya. Masalah-masalah mereka diberi pertimbangan dalam Kementerian tetapi perlantikan atau penempatan doktor di kemudahan-kemudahan Kementerian adalah dibuat secara seimbang untuk menentukan bahawa kemudahan rawatan dan kesihatan dapat diteruskan, sekadar minima pun boleh jadi juga. Kementerian tidak ada kuasa untuk memberi elaun-elaun istimewa untuk menggalakkan doktor-doktor bertugas di kawasan-kawasan pendalaman atau luar bandar. Perkara ini adalah satu yang tidak dapat ditimbulkan dalam konsep gaji bersih yang dibayar oleh Kerajaan pada masa ini.

Kepada soalan adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi doktor memberi rawatan percuma kepada rakyat, saya tidak tahu. Tetapi ada juga orang yang pada masa kempen membawa beg-beg perubatan mereka di kawasan-kawasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, doktor yang pertama di negara ini ialah Yang Amat Berhormat, dan saya suka menanya bahawa adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperbaiki syarat-syarat bekerja di hospital-hospital termasuk di desa-desa Pasir Puteh dan sebagainya dan adakah Yang Berhormat pernah menerima aduan daripada doktor kerana ada desakan daripada desa

seperti Pasir Puteh itu yang menyinggung doktor di kawasan desanya? Dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk mewajibkan Ahli Yang Berhormat seperti dari Matang untuk berkhidmat dengan hospital sebagai pembantu selama 20 tahun?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sudah pun dan sentiasa akan memberi pertimbangan untuk menjadikan kemudahan atau syarat-syarat pekerjaan atau perkhidmatan doktor-doktor lebih selesa dan pada lebih kurang satu setengah tahun dahulu sudah pun mewujudkan beberapa langkah untuk membaiki kadar itu dan menjadikan perkhidmatan itu lebih menarik. Perkara ini adalah sentiasa dalam pertimbangan Kerajaan.

Mengenai cadangan-cadangan yang lain, jika Ahli Yang Berhormat hendak mencadangkan, Kerajaan boleh menimbang, termasuk untuk beliau sendiri.

	<i>Tempoh</i>	<i>Jumlah</i>
Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban ..	16-2-82-31-12-84 (kira-kira 30 bulan)	\$31,684,600
Lebuhraya Selim River/Tanjong Malim ..	1-2-83-31-12-84 (23 bulan)	\$6,177,774
Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak	1-6-84-31-12-84 (7 bulan)	\$4,172,895
Di Tambak Johor	1-11-84-31-12-84 (2 bulan)	\$908,008
	Jumlah ..	<u>\$42,943,277</u>

(b) Kerajaan sudah menggunakan sistem kupon (Prepaid voucher) sebagai bayaran tol di semua plaza tol. Sistem ini adalah untuk kemudahan mereka yang kerap berulang alik di lebuhraya tol berkenaan. Sistem kupon (prepaid voucher) ini dimulakan serentak dengan pelaksanaan tol di tiap-tiap lebuhraya. Kupon (pre paid voucher) bagi lebuhraya-lebuhraya tersebut memberikan potongan harga iaitu

KUTIPAN TOL DI PLAZA

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- jumlah kutipan tol di berbagai plaza tol seluruh negara dengan memberitahu satu pecahan angka kutipan di setiap tempat;
- adakah Kerajaan akan menimbang memperkenalkan sistem kutipan kupon: jika ada, bilakah tarikhnya, jika tidak, mengapa; dan
- sama ada Kerajaan sedar bahawa kadar tol sekarang tidak seimbang dengan standard dan perkhidmatan jalan raya yang digunakan oleh rakyat Malaysia dan kenapakah orang ramai tidak diajak berunding terlebih dahulu mengenai kenaikan tol.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan tol di berbagai-bagai plaza tol di seluruh negara dengan pecahan kutipan di setiap tempat adalah seperti berikut:

discount 20% bagi semua jenis kenderaan.

(c) Kadar tol sekarang adalah seimbang dengan standard dan perkhidmatan lebuhraya tol yang ada. Walau bagaimanapun Kerajaan akan memperbaiki lagi standard dan perkhidmatan ini dari masa ke semasa untuk kepentingan pengguna-pengguna lebuhraya.

Mengenai kenapakah orang ramai tidak diajak berunding terlebih dahulu mengenai kenaikan tol, Kerajaan adalah mengkaji dengan teliti dan mendalam sebelum memutuskan untuk menaikkan kadar tol. Dalam kajian itu Kerajaan sentiasa mengambil kira kebijakan pengguna-pengguna dan adalah dijangka apa-apa kenaikan kadar tol tidak akan membebankan pengguna-pengguna lebuhraya itu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya apakah pihak Kerajaan bercadang pada satu masa akan mengenakan tol di Lebuhraya Timur/Barat? Soalan kedua, apakah pungutan tol ini ada tempohnya atau tidak ada tempohnya, sepanjang masa dan selama-lamanya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya umumkan di Dewan yang mulia ini beberapa bulan yang lalu, kita tidak ada apa-apa cadangan untuk mengutip tol di Lebuhraya Timur/Barat.

Berkenaan dengan kadar tol dan bilakah kita boleh memberhentikan kutipan tol ini, saya harap ini tidak jadi lagi. Tol akan menjadi satu perkara yang tetap di dalam tanahair kita mengikut undang-undang yang sedia ada.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun Kerajaan telah pun mengenakan tol di beberapa lebuhraya-lebuhraya di negara kita, akan tetapi orang ramai yang membayar tol ini belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti tempat-tempat rehat, restoran mini dan juga stesyen-stesyen minyak yang terdapat di lebuhraya-lebuhraya di negara-negara lain? Saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

agak bilakah Kerajaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang disentuh oleh saya tadi.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah sedang dalam pembinaan di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur sekarang. Saya harap apabila kita siap lebuhraya yang lain, kita akan beri pertimbangan untuk mengadakan tempat-tempat rehat dan juga stesyen-stesyen minyak dan lain-lain.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa kita di Malaysia ini menjalankan tol, tetapi jalanraya yang dikenakan tol itu buruk, tidak setanding dengan jalan raya-jalan raya yang dikenakan tol di luar negeri yang lain terutama di negeri-negeri yang telah maju, sedangkan bayarannya lebih kurang serupa. Soalan saya, kita sudah kutip \$42 juta tol sejak ianya dilancarkan sehingga sekarang. Bila pula jalan-jalan yang buruk, yang berlubang, yang berlopak-lopak dan tidak rata itu akan dibetulkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, aduan-aduan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, pada fikiran saya adalah berkenaan satu lebuhraya yang mana kita telah menghadapi masalah iaitu lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang mana kita menghadapi masalah dan juga kita kutip tol. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat lebuhraya itu pun kita sudah selesai sekarang, kita sudah selesai lebih daripada 95%. Ada lagi 5% sahaja untuk diperbaiki jalan itu dengan satu standard seperti apa Yang Berhormat nampak di negara Amerika Syarikat dan lain-lain, tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun kita sekarang

juga mengadakan lebuhraya dengan standard seperti apa yang kita nampak di negeri Jepun dan lain-lain. Tetapi sampai masanya untuk membayar tol, mereka kata, mereka tidak suka membayar, tidak suka membayar dengan satu kadar yang mereka bayar di negeri-negeri yang lain. Di negeri ini mereka suka juga mengadakan jalanraya dengan ketetapan yang besar, standard yang baik mengikut negeri-negeri yang lain, sudah sampai masa untuk membayar, mereka kata bayaran itu lebih tinggi. Mengikut apa yang dikenakan tol kepada rakyat jelata sekarang di dalam tanahair kita, saya harap ini adalah paling rendah daripada apa orang-orang membayar di luar negeri.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di Pertua, nampaknya kutipan tol ini adalah amat menguntungkan. Jadi, adakah kutipan tol ini akan digunakan untuk membaiki jalan-jalan yang tidak dikenakan tol, misal kata jalan Lebuhraya Timur/Barat rosak tidak dibaiki oleh kerana tidak ada kutipan tol misalnya.

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mengutip tol di tempat-tempat ramai orang lalu misalnya di jambatan yang tidak ada jalan lain, di jambatan-jambatan baru atau di jambatan-jambatan yang boleh kita menambah kutipan lagi. Adakah Kerajaan bercadang berbuat begitu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kutipan-kutipan daripada jalan raya-jalan raya setakat ini ialah lebih daripada \$43 juta sahaja. Tetapi bayaran bagi pinjaman-pinjaman kepada Bank Dunia dan lain-lain pihak adalah lebih \$43 juta. Apa yang dikutip sekarang tidak mencukupi untuk membayar faedahnya kepada agensi-agensinya. Tetapi semua kerja-kerja membaiki jalan, mengadakan rancangan-rancangan baru, rekabentuk baru untuk

mengadakan jalan itu kesemuanya daripada pihak Kerajaan. Tetapi tol daripada jambatan-jambatan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita tidak ada apa-apa cadangan. Walau bagaimanapun, jikalau Ahli Yang Berhormat tunjuk kepada saya mana itu jambatan, saya boleh timbangkan. (*Ketawa*)

MAJLIS NADWAH ISLAMIAH

9. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan tugas-tugas yang diserahkan kepada NADWAH Islamiah dalam membetulkan ajaran Islam yang salah di kalangan rakyat Malaysia. Berapakah anggota Majlis NADWAH ini dan sama ada perlu diwujudkan Majlis seumpama itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, NADWAH Islamiah ialah merupakan satu aktiviti yang dijalankan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Oleh itu tugas-tugas yang diperlukan oleh Yang Berhormat adalah merupakan perkara yang diberikan oleh Yayasan Dakwah Islamiah dari masa ke semasa. Dan masalah keahlian tidaklah timbul lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ban Hong Keong.

(*Soalan No. 10 Y.B. Tuan Ban Hong Keong tidak hadir.*)

SURAT KETUA MASYARAKAT KEPADA JABATAN KERAJAAN

11. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada setengah-setengah Jabatan Kerajaan tidak menjawab surat-surat yang dikirim oleh Ketua-ketua Masyarakat berkaitan dengan masalah-masalah tempatan sebagaimana Jabatan-jabatan

Kerajaan adalah bertanggungjawab bagi mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh masyarakat di negara ini. Jika sedar, apakah langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, semua Jabatan Kerajaan adalah dikehendaki menjawab semua surat-surat yang diterima dalam kadar masa yang segera seperti yang tercatat dalam Arahan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sekiranya surat itu tidak dapat diberi jawapan dengan segera, Jabatan yang berkenaan hendaklah memberitahu pengirim surat itu jangka masa surat jawapan akan diberikan. Namun begitu, Kerajaan juga sedar adanya Jabatan-jabatan yang tidak memberi jawapan kepada surat-surat yang diterimanya dalam masa yang berpatutan.

Bagi surat-surat yang tidak berjawab, penulis surat boleh membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam supaya pihak Biro dapat membuat tindakan susulan dengan Jabatan yang berkenaan dan ini akan memastikan bahawa surat-surat daripada orang-orang awam termasuk Ketua-ketua Masyarakat mendapat jawapan.

KEGIATAN HARAM— PENGLIBATAN PELAJAR- PELAJAR

12. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah terdapat pelajar-pelajar di negara ini terbabit dengan kegiatan-kegiatan haram termasuk apa yang disebut Kumpulan Gagak Hitam seperti yang berlaku di Terengganu baru-baru ini, jika benar:

- (a) nyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar yang terlibat berdasarkan sekolah-sekolah

dan negeri-negeri di Malaysia secara berasingan;

- (b) mengapakah wujudnya kegiatan-kegiatan yang seumpama itu; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi seumpama itu tidak akan wujud lagi di masa hadapan.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran setakat ini tidak ada bukti-bukti bagi menentukan adanya pelajar-pelajar terlibat dengan kegiatan haram seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Apa yang ada hanyalah beberapa orang pelajar yang membuat tanda di dagu kerana meniru kawan-kawan.

Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan peraturan-peraturan melarang pelajar-pelajar dari menganggotai sebarang kumpulan haram atau melakukan sebarang kegiatan haram. Tindakan disiplin yang berat akan diambil ke atas pelajar-pelajar jika didapati berbuat demikian.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini walaupun di dalam suratkhbar ada terdapat laporan mengenai kegiatan kongsi gelap di beberapa buah sekolah, adakah aduan yang rasmi diterima oleh Yang Berhormat mengenai kegiatan kongsi gelap di sekolah-sekolah terutamanya di Wilayah Persekutuan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada menerima sebarang laporan ataupun aduan daripada mana-mana sekolah pun. Kalau berlaku itu adalah tindakan yang biasanya diambil oleh Jabatan Pelajaran sendiri.

FELCRA—PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT DESA

13. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah objektif-objektif penyatuan dan penyusunan semula masyarakat DESA yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan sejauh manakah bentuk perlaksanaannya serta kemajuannya setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, objektif penyatuan dan penyusunan semula masyarakat desa yang akan dilaksanakan oleh FELCRA adalah selaras dengan hasrat Kerajaan iaitu untuk mengumpul dan menyusun semula masyarakat desa supaya tinggal di kampung-kampung tersusun yang disatukan. Dengan cara ini kampung tersebut dapat dipupuk untuk menjadi pusat pertumbuhan, penempatan, perkhidmatan dan perindustrian di mana masyarakat desa yang berkenaan akan dapat melibatkan diri dengan aktiviti tersebut. Di samping itu ia akan memulih, memaju dan menyatukan kawasan pertanian di sekeliling kampung tersusun kepunyaan masyarakat desa yang berkenaan secara berkumpulan dan mengikut kaedah perladangan.

Dengan cara ini masyarakat desa yang terlibat dalam penyusunan semula kampung itu dapat menikmati faedah dari kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih senang dibawa masuk kepada mereka.

Cara atau kaedah pelaksanaan FELCRA adalah merangkumi usaha-usaha mengenalpasti kawasan, merancang, mengadakan majlis penerangan/dailog, mewujudkan

pengurusan ladang, membangun perkampungan dan menyelaraskan pengwujudan pusat perkhidmatan.

Perkembangan hari ini, FELCRA telah mengesan lagi beberapa kawasan di seluruh negara bagi melaksanakan program ini. Dua kawasan yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh FELCRA ialah di Daerah Jasin, Negeri Melaka dan Daerah Jerantut Negeri Pahang. Kawasan tersebut telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal tahun 1985.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, FELCRA telah merancang untuk melaksanakan 30 buah projek penyatuan tanah yang melibatkan penyusunan semula kampung-kampung secara usahasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tentang bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap rancangan FELCRA untuk mewujudkan kampung-kampung tersusun di daerah-daerah Jasin dan Jerantut dan juga bagaimanakah bentuk sambutan orangramai di dalam rancangan FELCRA untuk mewujudkan kampung-kampung tersusun di kawasan-kawasan lain yang telah dikenalpasti.

Yang keduanya saya ingin tahu adakah Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang terlibat di dalam rancangan kampung tersusun ini memberikan kerjasama mereka yang baik dan erat terhadap rancangan FELCRA ini terutamanya Kementerian Kerjaraya dari sudut penyediaan infrastruktur, jalan, bekalan air; Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos—bekalan api elektrik, perkhidmatan telefon dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang

lain. Bagaimana sambutan dan kerjasama yang diberikan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini Alhamdulillah pihak FELCRA dan agensi-agensi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah di bawah Kementerian ini mendapat kerjasama yang baik daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam usaha untuk menyiapkan ataupun menyempurnakan kemudahan-kemudahan asas yang diselenggarakan di dalam rancangan-rancangan.

Tentang soalan yang pertama, sambutan orang ramai terhadap usaha FELCRA dan setakat hari ini kita mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai bukan setakat sambutan tetapi sehingga hari ini kita mempunyai senarai nama mereka yang ingin memasuki rancangan tetapi pihak rancangan tidak mempunyai tempat yang mencukupi untuk diberi kepada pemohon-pemohon yang berkenaan.

BADAN PERUNDING ISLAM/ MAJLIS SYURA ISLAM

14. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah tugas Badan Perunding Islam dan Majlis Syura Islam yang ditubuhkan baru-baru ini dan siapakah anggota-anggotanya dan adakah dalam bidang kuasa badan-badan ini juga untuk menyusun program penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara termasuk perundangan Islam.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, tugas Badan Perunding Islam ialah yang pertama, untuk menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan unsur-unsur Islam yang

boleh dijadikan asas dan pegangan kepada usaha pembangunan dan pentadbiran negara, memberi nasihat asas dan nasihat lanjutan di samping membuat penyesuaian-penyesuaian terhadap bentuk-bentuk teknologi yang mengikut lunas-lunas Islam. Badan ini dianggotai oleh 18 orang para cerdik pandai Islam yang pakar dalam bidang masing-masing seperti Pengajian Islam, Pentadbiran, Ekonomi, Undang-undang, Kejuruteraan, Kesihatan, Pertanian, Falsafah dan Sosial. Manakala Majlis Syura yang ditubuhkan baru-baru ini adalah merupakan Majlis Syura Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, ia ditugaskan khusus untuk memberi pandangan, syor dan juga ulasan terhadap perjalanan pentadbiran Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini dianggotai oleh 15 orang para cerdik Islam dari kalangan ulama yang telah lama berkecimpung dalam hal-hal kemasyarakatan dan keagamaan.

Sukacita saya menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tugas Badan Perunding Islam adalah berbeza dengan tugas Majlis Syura Bahagian Agama kerana Badan Perunding Islam merupakan sebuah badan yang diberi tanggungjawab untuk menilai dan menapis cadangan-cadangan berkenaan dengan unsur-unsur Islam yang akan dijadikan asas dalam program penerapan nilai-nilai Islam. Manakala Majlis Syura pula tugasnya adalah sebagai penasihat kepada aktiviti Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah daripada tugas Badan Perunding Islam ini segala keputusan ataupun nasihat-nasihat daripada badan ini menjadi sesuatu yang seharus ataupun wajib diikuti dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Yang kedua, begitu juga pandangan atau syor-syor daripada pihak Majlis Syura ini, apakah juga menjadi bukan sahaja nasihat, tetapi juga akan digunakan, akan dipakai dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, dan juga oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, segala perkara yang dibincangkan di dalam Badan Perunding Islam setelah diteliti dan disahkan oleh Badan tersebut ia akan dipanjangkan untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beliau akan menjadikan perkara-perkara itu sebagai bahan untuk beliau fikirkan dan kalau sesuai diambil sebagai asas untuk mengemukakan kepada perbincangan yang lebih menyeluruh terutama dalam Kabinet kalau perlu. Begitu juga tentang perkara yang ditimbulkan dalam Majlis Syura yang diletakkan di bawah Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, apabila telah diputuskan ia akan menjadi bahan bagi pertimbangan pentadbiran Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

PELABUR ASING DALAM SEKTOR PERTANIAN

15. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah rancangan-ancangan baru polisi Kerajaan untuk menarik pelabur asing berasaskan sektor pertanian di negara kita; adakah langkah-langkah ini akan mendapat sambutan; pertanian yang dimaksudkannya itu adakah bermatlamat kepada pertanian kekal seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya atau kepada jenis pertanian-pertanian bermusim seperti padi, jagong, sayur-sayuran; dan

- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa rakyat Malaysia masih banyak lagi kekurangan makanan asas yang masih lagi bergantung dari pembelian dari negara-negara asing sedangkan negara Malaysia adalah bumi subur dengan tanam-tanaman asas; maka apakah rancangan Kerajaan supaya rakyat Malaysia akan boleh mencukupi makanan-makanan asasnya dengan tidak payah bergantung pembelian makanan-makanan asas dari negara-negara asing.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat jawab dalam masa 3 minit?

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi pertanyaan:

- (a) Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan lebih ramai pelabur-pelabur asing melibatkan diri dalam usaha-usaha pengeluaran dalam sektor pertanian. Di antara langkah-langkah tersebut ialah penubuhan sebuah Urusetia Khidmat Nasihat Pelaburan dan Pengswastaaan Kementerian Pertanian, penubuhan Panel Perundingan Sektor Awam/Sektor Swasta dan kajian semula terhadap galakan-galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan tahun 1978 dan lain-lain Akta ataupun peraturan yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tekanan dalam usaha menggalakkan penyertaan sektor swasta termasuk pelabur-pelabur asing dalam sektor pertanian ini ialah ditumpukan kepada pengeluaran koko dan pengeluaran komoditi-komoditi

makanan yang sesuai dari segi agronomi dan iklim serta juga dari segi ekonomi. Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam industri-industri berasaskan pertanian.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis-jenis makanan asas boleh dibahagikan kepada kategori-kategori seperti berikut:

- (i) kategori carbohydrate iaitu bahan-bahan makanan seperti beras, tepung gandum dan gula;
- (ii) kategori protin khususnya ikan, hasil-hasil perikanan dan daging; dan
- (iii) kategori vitamin khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran.

Bagi kategori-kategori makanan asas seperti yang dinyatakan tersebut, pengeluaran negara yang sudah pun mencukupi ialah daging ayam, telur, ikan dan hasil-hasil perikanan, buah-buahan tropika dan sayur-sayuran tropika. Walau bagaimanapun, negara masih mengimport beras iaitu sebanyak 30% daripada jumlah keperluan hampir kesemua gula, kesemua tepung gandum, 50% daripada keperluan daging lembu dan kira-kira 85% daripada keperluan daging kambing. Di bawah Dasar Pertanian Negara yang telah digubal, Kerajaan telah pun merancang untuk meningkatkan pengeluaran keperluan komoditi-komoditi makanan yang telah dikeluarkan di negara ini melalui penyediaan, kemudahan-kemudahan infrastruktur, peningkatan, pengamalan teknologi pertanian dan menyediakan galakan-galakan pertanian yang lebih menarik. Walaupun demikian, bagi jenis-jenis makanan tertentu seperti tepung

gandum, gula dan daging kambing, negara akan terus bergantung kepada negara-negara lain. Oleh kerana ketidaksuaian dari segi agronomi dan iklim ataupun oleh kerana kos pengeluaran dalam negeri yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawapan Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 10, 16 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).

BAHASA IBAN DI SEKOLAH SARAWAK

5. Datuk Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau kini benar-benar menggalakkan pengajaran Bahasa Iban di sekolah di seluruh Sarawak di mana sebahagian besar dari murid-murid adalah dari keturunan Iban.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban diselenggarakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri di sekolah-sekolah di Negeri Sarawak. Peruntukan waktu untuk pengajaran Bahasa Iban diadakan dalam waktu sekolah, sekiranya terdapat tidak kurang dari 15 orang murid yang memohon dan terdapat pula guru yang berkemampuan dan berkesanggupan mengajar bahasa tersebut.

LEMBAGA PENGURUS TDC

10. Tuan Ban Hong Keong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menyusun semula Lembaga Pelancungan supaya menjadi lebih cekap dan berhasil oleh kerana terdapat beberapa anggota Lembaga Pelancong yang kurang berpengalaman dengan industri pelancongan negara kita dan bahawa terdapat beberapa anggota yang

sebahagian besar masa mereka dalam setahun berada di seberang laut daripada di negara kita.

Datuk Oo Gin Sun: Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menyusun semula anggota Lembaga Pengurus TDC kerana Kerajaan berpuashati dengan prestasi Lembaga berkenaan. Saya juga ingin menegaskan bahawa tidak ada anggota Lembaga Pengurus bermastautin atau yang menghabiskan lebih banyak masa di luar daripada di dalam negeri.

PENGELUARAN BERAS

16. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Pertanian menyatakan apakah dasar Kerajaan dalam mengeluarkan makanan yang mencukupi agar negara ini kecukupan sekurang-kurangnya dalam makanan "staple" dan sama ada dasar kurang daripada kecukupan penuh beras kita akan memberi kesan kepada negara daripada pandangan keselamatan serta menyebabkan kerugian pertukaran wang asing untuk pembelian "staple" itu.

Tuan Lahat Wan: Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Pertanian Negara telah menetapkan bahawa pengeluaran beras dalam negara adalah bagi memenuhi antara 80%-85% daripada keperluan negara dan keperluan selebihnya akan diimport. Penentuan peratus pengeluaran beras dalam negara adalah dipengaruhi oleh keperluan keselamatan makanan disebabkan beras adalah merupakan makanan asasi rakyat di negara ini. Memandangkan kos pengeluaran beras adalah tinggi di negara ini di mana subsidi baja dan subsidi harga ditanggung oleh Kerajaan, maka adalah tidak ekonomik bagi negara ini mengeluarkan 100% daripada keperluan. Oleh yang demikian dengan cara ini Kerajaan dapat

mengimbangkan beban tanggungan subsidi dan juga pertukaran wang asing.

MURID-MURID SEKOLAH RENDAH CINA—ENROLMEN

17. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya kekurangan jumlah murid-murid Sekolah Rendah Cina dari 595,043 orang pada tahun 1983 kepada 588,836 orang pada tahun 1984 di Negara kita, iaitu dengan perbezaan seramai 6,207 orang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kekurangan enrolmen kanak-kanak di SRJK (C) pada tahun 1984 adalah disebabkan oleh kekurangan permintaan untuk memasuki sekolah berkenaan. Ibu bapa adalah bebas untuk memilih mana-mana jenis sekolah untuk anak-anak mereka.

NENAS DALAM TIN— PENGELUARAN

18. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apa-apakah ikhtiar dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementeriannya untuk memajukan pengeluaran nenas dalam tin di negara kita yang kian merosot.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Antara langkah-langkah yang diambil untuk memajukan pengeluaran nenas dalam tin ialah:

- (a) Sejak tahun 1972, MPIB (Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu) telah melancarkan Rancangan Tanam Semula Nenas untuk meninggikan hasil dan mutu pengeluaran pekebun kecil dan seterusnya pendapatan dan taraf hidup mereka. Sejak Oktober 1981 sehingga sekarang jumlah bantuan

adalah ditetapkan diparas \$1,400 seekar. Sejak projek ini dilancarkan sehingga akhir Disember 1984 seramai 7,503 pekebun kecil telah menyertainya dan seluas 9,619.49 hektar telah berjaya ditanam semula.

- (b) Bagi pekebun-pekebun kecil di luar Rancangan Tanam Semula Nenas. Kerajaan juga memperkenalkan Projek Subsidi Baja Separuh Harga bertujuan untuk membantu pekebun-pekebun kecil di dalam meningkatkan daya pengeluaran. Sejak projek ini dimulakan pada bulan Oktober 1981 seramai 1,770 pekebun kecil nenas telah mendapat faedah daripadanya dan kira-kira 1,700 metrik tan baja telah dikeluarkan.
- (c) MPIB memainkan peranan penting di dalam memberi bimbingan dan pengetahuan pengurusan tanaman nenas yang betul kepada pekebun-pekebun kecil. Bagi memenuhi objektif tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan di antaranya ialah kursus tanam semula nenas, lawatan sambil belajar, ceramah dan perbincangan, demonstrasi atau petak pertunjukan yang merupakan pendedahan pengetahuan teknikal di dalam pengurusan tanaman nenas secara amali.
- (d) Bagi menggalakkan pekebun-pekebun kecil terus menanam nenas dan meningkatkan pengeluaran, Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu telah menetapkan dari masa ke semasa harga yang berpatutan bagi buah nenas yang dibeli oleh pekilang-pekilang daripada pekebun-pekebun kecil. Sejak tahun

1972 harga buah nenas terus meningkat dari 2.9 sen sepaun dalam tahun 1970 kepada 12.7 sen sekilo mulai 1 Januari 1985 hingga sekarang. Oleh kerana pengeluaran nenas pekebun-pekebun kecil tidak dapat memenuhi keupayaan (capacity) kilang. Kilang Nenas Malaysia merancang untuk memajukan ladang nenas mereka sendiri supaya viabiliti kilang ditentukan. Adalah diharapkan dengan pembukaan ladang tersebut pengeluaran nenas kaleng Malaysia akan terus meningkat.

- (e) Di peringkat antarabangsa, Kementerian Perusahaan Utama juga telah dan akan terus berusaha untuk mendapat pasaran yang lebih baik bagi nenas kaleng Malaysia kepada beberapa negara seperti Amerika Syarikat, EEC, Jepun, Timur Tengah, New Zealand dan sebagainya. Usaha ini termasuk pengurangan tariff dan peningkatan kuota yang dihadapi oleh beberapa pasaran seperti di EEC dan Jepun.

INDUSTRI BARANGAN LETRONIK

19. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memajukan Industri barangan letronik di negara ini memandangkan kebanyakan komponen dapat diperolehi di negara ini. Jika ada apakah insentif dan bentuk bantuan yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan tempatan dalam bidang ini.

Tuan Oo Gin San: Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan industri barangan letronik tempatan dengan mengambilkira kemajuan yang telah

dicapai oleh industri pemasangan komponen letronik. Untuk tujuan ini Kerajaan telah merangka satu Program Mikroelektronik Kebangsaan.

Selaras dengan Program ini Kerajaan telah menubuhkan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia pada bulan Januari 1985. Antara bidang tugasnya ialah:

- (a) Mengendalikan kursus, bengkel dan seminar kepada golongan tertentu untuk memberi kemahiran dalam teknologi mikroelektronik terbaharu, untuk mengemaskini pengetahuan dalam perkembangan-perkembangan terbaharu dan untuk menunjuk jalan bagi penglibatan swasta dalam industri mikroelektronik.
- (b) Menjalankan R & D dengan tujuan membentuk teknologi dan barangan yang inovatif dan berpotensi untuk diperniagakan.
- (c) Menjalankan "contract research" bagi pihak swasta atau lain.
- (d) Menjadi tempat pertemuan antara Jurutera, Saintist, industrialist, "venture capitalist" dan dengan jalan ini mendorong pertumbuhan industri mikroelektronik yang kukuh, agresif dan moden di Malaysia.

Institut ini telah melaksanakan beberapa seminar bengkel dan ceramah untuk kakitangan Kerajaan dan swasta, disamping mengadakan perhubungan dengan syarikat elektronik kepunyaan asing yang beroperasi di Malaysia.

Mengenai insentif, mana-mana usahawan boleh memohon untuk mendapat Lesen Pengilang dengan Galakan seperti Taraf Perintis, Kredit

Cukai Pelaburan dan lain-lain seperti terkandung di dalam Akta Galakan Pelaburan 1968 (seperti dipinda).

KILANG DAN PERUSAHAAN KECIL

20. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu dan menjaga kepentingan kilang dan perusahaan kecil yang banyak terdapat di negara ini di samping kerajaan memberi tumpuan khusus kepada sektor perkilangan dan perusahaan berat memandangkan perusahaan-perusahaan kecil merupakan asas penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam sektor perindustrian. Adakah Kerajaan bercadang supaya di setiap bandar di seluruh negara, kerajaan mendirikan kawasan-kawasan yang dikhaskan bagi kegiatan-kegiatan kilang kecil dan perusahaan kecil. Jika tidak, mengapa.

Tuan Oo Gin Sun: Beberapa langkah positif telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu dan menjaga kepentingan kilang dan perusahaan kecil di negara ini. Di antaranya ialah:

- (1) Menggubal dasar-dasar tertentu untuk memberi perlindungan kepada perusahaan-perusahaan kecil termasuk mengenalpasti barang-barang yang boleh dikeluarkan oleh perusahaan-perusahaan kecil dan mengkhaskan untuk dikeluarkan oleh perusahaan-perusahaan kecil sahaja.
- (2) Menyediakan program-program yang merangkumi khidmat-khidmat bantuan seperti pemasaran, teknologi dan

sebaran maklumat, tapak, modal, bimbingan projek dan pengurusan seperti berikut:

(i) *Program Yang Berdasarkan Pemasaran*

(a) *Program Pemasaran Bersepadu Barang-barang Makanan Keluaran Bumiputra*—Tujuan utama program ini ialah untuk menentukan supaya pengusaha-pengusaha diberi bantuan dalam aspek-aspek pengeluaran, pengedaran, promosi dan sebagainya.

(b) *Program Pembelian Kerajaan*—Program ini melibatkan perkara-perkara seperti mengenepi usaha-usahawan kecil yang dapat membekalkan barang-barang keluaran mereka kepada Kerajaan.

(c) *Program Sub-Contracting*—Ini melibatkan industri-industri kecil yang akan memasar ataupun membekalkan barang-barang keluaran mereka kepada industri-industri besar. Untuk tujuan ini satu sub-contracting exchange akan ditubuhkan untuk menggalakkan industri-industri sokongan.

(ii) *Program Yang Berdasarkan Teknologi dan Sebaran Maklumat*

(a) *Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi*—Tujuan pusat ini adalah untuk menyediakan maklumat-maklumat yang penting berhubung dengan teknologi. Pusat tersebut memberi bantuan dari segi pameran, tunjuk ajar dan buku-buku penerbitan berhubung dengan teknologi yang sesuai.

(b) *Pusat Perabut Bumiputra di Jitra, Kedah*—Pusat ini dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang mana antara lain menyediakan beberapa bengkel dan bahan gunasama seperti mesin-mesin, bilik pameran dan sebagainya untuk pengusaha-pengusaha kecil yang terlibat.

(iii) *Program Yang Berdasarkan Keperluan Modal/Kewangan*

(a) *Projek Istimewa Pembangunan Perusahaan Kecil Pembiayaan Bersama Kerajaan Malaysia dan Bank Dunia*—Melalui program ini dijangka lebih daripada 1,000 usahawan akan diberi pinjaman di samping

lain-lain keperluan seperti pengurusan, pemasaran dan sebagainya. Program ini adalah bagi tempoh 1985-1987.

(iv) *Program Yang Berasaskan Bimbingan Projek dan Pengurusan*

(a) *Projek Skim Kilang Bimbingan di Pengkalan Chepa, Kelantan*—Program ini menyediakan ruang-ruang kilang untuk disewakan kepada perusahaan-perusahaan kecil di samping memberi bantuan yang bersepadu seperti pemasaran, pengurusan, teknikal dan sebagainya. Tujuan utama program ini adalah untuk mengwujudkan dan meningkatkan tingkat kepakaran usahawan-usahawan kecil.

(b) *Program Perbandingan Antara Firma*—Program ini bertujuan membantu perusahaan-perusahaan kecil di dalam memperbaiki prestasi perniagaan mereka dengan cara mengadakan perbandingan prestasi antara satu firma dengan satu firma yang lain.

Mengenai cadangan supaya Kerajaan mengadakan kawasan-kawasan khas bagi kegiatan kilang-kilang kecil di setiap bandar di seluruh negeri, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memanglah mempunyai cadangan tersebut dan perkara ini sedang

diuruskan melalui rundingan-rundingan dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan tapak-tapak yang sesuai bagi tujuan tersebut.

**DASAR EKONOMI BARU—
PENCAPAIAN MATLAMAT**

21. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah pencapaian yang dicapai setakat ini dalam usaha membasmikan kemiskinan di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memerangi kemiskinan waktu negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Butir-butir pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam dekad pertama, 1970-1980, adalah terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat (RME). Butir-butir pencapaian selanjutnya bagi tempoh 1981-1983 pula terkandung di dalam Kajian Separuh Penggal RME. Pada masa ini, pihak Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah awal bagi menyediakan Rancangan Malaysia Kelima. Rancangan ini kelak akan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kemajuan DEB dalam tempoh 1981-85 dan seterusnya melihat prospek jangka panjang bagi pencapaian matlamat DEB pada tahun 1990.

Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan di sini beberapa pencapaian penting dalam usaha pembasmian kemiskinan. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang dari 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29.0 peratus dalam tahun 1980. Kadar ini telah meningkat sedikit ke 30.3 peratus dalam tahun 1983 akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia dan kemerosotan harga barangan utama. Sementara itu, kadar kemiskinan di Sabah telah berkurang dari 58.3 peratus dalam tahun 1976 kepada 29.2

peratus dalam tahun 1982, manakala di Sarawak dari 56.5 peratus kepada 31.3 peratus.

Adalah penting ditegaskan di sini, bahawa konsep kemiskinan di Malaysia adalah berbeza daripada kemiskinan yang terdapat di beberapa negara yang sedang membangun. Bentuk kemiskinan yang keterlaluan seperti kelaparan, keburlan serta tempat tinggal yang amat daif tidak wujud di negara kita. Kesimpulan mengenai sama ada sesebuah isirumah itu miskin atau tidak hendaklah juga mengambilkira mutu dan banyaknya kemudahan-kemudahan asas yang mereka terima berbanding dengan isirumah lain. Taraf hidup isirumah miskin di negara ini, terutamanya di kawasan luar bandar, telah meningkat hasil dari perluasan perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti sekolah, hospital/klinik, jalan, jambatan, bekalan air dan elektrik.

Oleh kerana prestasi ekonomi pada masa ini tidak menggalakkan, adalah penting bahawa sumber-sumber ekonomi negara yang terhad dapat digunakan dengan secara maksimum. Dalam hal ini, beberapa strategi baru telah diperkenalkan, antaranya ialah sistem perkebunan secara koperatif dan pemandaran kawasan luar bandar. Kita sedia mengetahui bahawa salah satu sebab terdapatnya kemiskinan ialah luas kebun yang tidak ekonomik. Oleh yang demikian, mengatasi startegi baru ini, kebun-kebun akan disatukan secara besar-besaran dan diurus secara estet supaya tanah pertanian dapat diusahakan dengan lebih ekonomik dan produktif bagi faedah petani. Penekanan akan juga diberi kepada pertanian bercorak perniagaan dan tidak lagi untuk menyara diri sendiri sahaja. Pemandaran kawasan luar bandar pula melibatkan pengumpulan kampung-kampung yang berselerak untuk dijadikan satu pusat perbandaran. Pusat perbandaran ini

akan menjadi asas bagi pertubuhan kegiatan-kegiatan bercorak bandar dan menjadi punca pendapatan luar kebun kepada penduduk-penduduk. Perkhidmatan dan kemudahan asas akan juga dapat disediakan dengan lebih teratur untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Perubahan strategi membasmi kemiskinan hendaklah disertai oleh satu perubahan dalam nilai-nilai hidup di kalangan petani-petani sendiri jika mereka ingin meningkatkan lagi pendapatan mereka. Sikap terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan hendaklah dikikiskan dan sebaliknya menggunakan daya usaha dan keusahawanan sendiri.

PEMBESARAN KEMUDAHAN PERLABUHAN

22. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kemudahan yang tersedia ada di pelabuhan-pelabuhan dan sistem-sistem kontena, insuran dan pengangkutan tempatan berupaya mengendalikan dengan cekapnya pertambahan dalam perdagangan secara langsung yang sedang dirancangan kalau tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki kekurangan ini. Memandangkan bahawa masih tidak terdapat surat kelulusan daripada pihak Kastam untuk setengah-setengah komoditi disebabkan oleh kekurangan borang kenyataan barang-barang di Pelabuhan Kelang, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah keupayaan pelabuhan-pelabuhan negara ini pada masa sekarang dalam pengendalian perdagangan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sukacita saya memaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan yang tersedia ada di pelabuhan-pelabuhan berupaya

mengendalikan pertambahan dalam perdagangan yang dirancangan. Di samping itu, beberapa rancangan pembesaran kemudahan pelabuhan sedang dan akan dilaksanakan di Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor.

Berkenaan dengan masalah kekurangan borang ikrar Kastam di Pelabuhan Kelang, ingin saya menyatakan bahawa masalah ini telah dapat diatasi dengan Jabatan Kastam memberi kelonggaran bagi menggunakan borang ikrar Kastam yang lama sehingga stok borang baru dapat disediakan.

AMALAN POS-MORTEM

23. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapa Kementerian Kesihatan masih lagi meneruskan amalan post-mortem walaupun sebab-sebab kematiannya telah nyata.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan post-mortem yang dilakukan di negara kita adalah mengikut peruntukan undang-undang untuk memastikan sebab-sebab sebenar kematian.

Kementerian Kesihatan meneruskan amalan "post-mortem" setelah menerima arahan dari pihak polis kerana pengesahan ke atas sebab-sebab kematian adalah perlu ditentukan agar tidak timbul sebarang perkara berbangkit kemudian kelak.

PERMIT KONTENA

24. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan selain dari syarikat-syarikat "container" yang ujud sekarang, sama ada beliau akan menimbang mengeluarkan permit-permit "container" baru kepada syarikat-syarikat lain yang layak

memohonnya kerana dengan adanya banyak syarikat "container", persaingan di antara mereka akan memberi perkhidmatan dan layanan yang lebih baik memuaskan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Buat masa ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk mengeluarkan permit-permit kontena kepada syarikat-syarikat baru selain daripada tiga syarikat pengangkutan kontena yang ada sekarang. Bilangan permit yang telah dikeluarkan kepada tiga syarikat sekarang (Kontena Nasional Sdn Bhd, Shapadu Holding Sdn Bhd, dan Konsortium Perkapalan Bhd) sebanyak 318 prime mover dan 1,253 trailer adalah didapati mencukupi dan memenuhi keperluan pengangkutan kontena pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus mengawasi prestasi ketiga-tiga syarikat tersebut dan mengkaji kedudukan bilangan permit yang telah dikeluarkan itu.

WANG KERTAS BAHARU— KEKURANGAN

25. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab kekurangan wang kertas baharu sewaktu Perayaan Tahun Baru China, 1985.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak ada kekurangan wang kertas baru semasa perayaan Tahun Baru Cina, 1985 baru-baru ini. Ini adalah kerana Bank Negara Malaysia mempunyai stok yang mencukupi bagi semua jenis nilai wang kertas untuk memenuhi keperluan orang ramai. Walau bagaimanapun, beberapa buah bank perdagangan mungkin menghadapi sedikit masalah dalam mendapatkan keperluan wang kertas dari Bank Negara kerana sebuah firma keselamatan yang membawa wang kertas tersebut telah

mengalami pemogokan pada waktu itu. Hal ini mungkin menyebabkan orang ramai menyangka bahawa terdapat kekurangan wang kertas.

INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN

26. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah Kerajaan sedang mengusahakan rancangan-rancangan berasaskan Dasar Pertanian Negara (DPN), supaya Kerajaan kita dapat mencapai kemajuan dalam industri-industri "agrobese"—demi kepentingan ekonomi negara.

Tuan Luhah Wan: Untuk mencapai kemajuan dalam industri berasaskan pertanian (agrobased), satu daripada rancangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan ialah menggalakkan penanaman secara komersial dan besar-besaran, selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Ini dijalankan, antara lain, melalui projek-projek berkelompok dan juga projek-projek pembangunan pertanian bersepadu. Rancangan ini bukan sahaja bertujuan untuk menentukan bekalan yang mencukupi untuk eksport, akan tetapi, ia juga akan menentukan bekalan mentah yang mencukupi untuk industri berasaskan pertanian. Di dalam sub-sektor ternakan dan perikanan juga, Kerajaan sedar akan potensi sub-sektor-sub-sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, pembangunan industri-industri ini juga akan digalakkan di mana tumpuan akan diberikan kepada pemerosesan, penyimpanan dan pengangkutan.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang mengkaji semula galakan-galakan bagi sektor pertanian, termasuk industri berasaskan pertanian supaya setanding dengan sektor pembuatan dan dengan demikian juga dapat menggiatkan lagi

penglibatan sektor swasta dalam aktiviti-aktiviti ini.

Dalam aspek penyelidikan, Bahagian Teknologi Makanan di MARDI juga menjalankan usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan bahan-bahan mentah pertanian.

PELAJAR MENAGIH DADAH

27. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid-murid yang menagih dadah yang telah dapat dikesan dalam tahun 1984 dan adakah skuad intip (spy squads) telah pun dilantik untuk memberi maklumat sekiranya terdapat murid-murid mengambil dadah dan menghisap rokok.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 4 orang sahaja murid sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan telah dapat dikesan menagih dadah dalam tahun 1984.

Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menubuhkan apa yang disebut sebagai skuad intip (spy squads) di sekolah-sekolah kerana peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling, ketua murid dan pengawas sekolah sudah memadai untuk mendapatkan maklumat, mengesan dan mengawasi murid-murid yang terlibat dengan dadah dan menghisap rokok.

PERNAS—JUMLAH KOMISYEN

28. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan jumlah komisyen yang dipungut tahunan oleh Pernas atas pengimport barang-barang dari China sejak 1980 dan sama ada pungutan begini akan dikenakan selama-lamanya atau sampai sesuatu tarikh sahaja.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pertanyaan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Perdagangan dan Perindustrian bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada 27 Mac yang lalu. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan tersebut.

DAGING DAN SUSU— PENGELUARAN PENTERNAK

29. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha Kementerian yang bersungguh-sungguh bagi meningkatkan Ternakan Dalam Negeri dan menjamin kemasukan daging dan susu-susu halal sekadar perlu.

Tuan Luhut Wan: Bagi meningkatkan lagi keluaran daging dan susu dalam negara, Kementerian Pertanian pada masa ini telah pun mengubah corak program penternak-penternak kecil supaya bertahap komersial. Di samping itu, pihak-pihak swasta adalah digalakkan untuk menceburi dalam perusahaan pengeluaran komoditi-komoditi ini secara besar-besaran.

Berhubung dengan bekalan daging halal melalui import pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan bersama Jabatan Agama, Jabatan Perdana Menteri telah mengesahkan sejumlah kira-kira 116 buah rumah sembelih di Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Uruguay, Brazil, India dan Thailand untuk mengeksport daging halal ke Malaysia. Sumber-sumber ini adalah lebih dari mencukupi untuk memenuhi keperluan negara ini.

Sementara itu, bagi melindungi industri tenusu di dalam negara, langkah-langkah kawalan import telah dilaksanakan.

LORI MENYEBERANG TAMBAK JOHOR KE SINGAPURA

30. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan lori yang menyeberang tambak Johor ke Singapura pada tahun 1984;
- (b) bilangan puratanya bagi tiap-tiap hari mulai 1985;
- (c) apakah benar dakwaan Persatuan Empunya-empunya Lori Malaysia bahawa kutipan cukai lori itu sepatutnya berjumlah \$36 juta setahun, bukan hanya \$12 juta yang sebenarnya dikutip; dan
- (d) apakah Kerajaan akan mengenakan sistem kupon untuk tujuan pungutan cukai ke atas lori-lori yang menyeberangi tambak Johor, dan semua kenderaan di Rumah Tol.

Tuan Daim Zainuddin:

- (a) mengenai soalan pertama suka dinyatakan bahawa jumlah lori yang telah menyeberangi tambak Johor bagi tahun 1984 ialah 550,052 buah.
- (b) mengenai soalan kedua pula, purata lori yang telah menyeberangi tambak Johor ke Singapura setiap hari bagi bulan Januari, 1985 adalah sebanyak 1,553 buah.
- (c) berhubung dengan dakwaan Persatuan Empunya-empunya Lori Malaysia yang menyatakan bahawa jumlah hasil levi yang dikutip bagi tahun 1984 hanyalah \$12 juta, sukalah saya menjelaskan bahawa kutipan yang sebenarnya adalah sebanyak \$35.6 juta.
- (d) mengenai soalan keempat, suka dinyatakan bahawa Kerajaan tidaklah bercadang memperkenalkan sistem kupon

untuk kutipan levi ke atas kenderaan barang-barang kerana sistem pungutan levi sekarang tidak menimbulkan sebarang masalah. Berhubung dengan pungutan tol pula, seperti Dewan yang mulia sedia maklum, bukan sahaja sistem kupon ini telah dilaksanakan malahan potongan 20% juga diberi kepada para pengguna yang kerap kali barulangkalik melalui Plaza Tol.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH SDN BHD—PINDAAN

31. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang rayuan penduduk-penduduk Bukit Merah, Menglembu, Lahat dan Taman Badrishah yang meminta supaya Syarikat Asian Rare Earth Sdn Bhd dipindah kerana ia mengeluarkan sisa-sisa radioaktif, thorium hidraxid, dan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk hentikan kegiatan kilang tersebut.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sepertimana yang sedia termaklum, Kerajaan telah pun menerima laporan dari kedua-dua kumpulan pakar luar negeri yang telah diundang untuk melakukan penilaian bebas ke atas masalah penyetoran sisa radioaktif thorium hidraxid di Papan, Perak. Kumpulan pakar-pakar tersebut adalah dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa dan Lembaga Perlindungan Sinaran Kebangsaan United Kingdom. Kerajaan telah memutuskan untuk menerima laporan tersebut. Kedua-dua laporan tersebut mengandungi beberapa cadangan langkah keselamatan yang perlu diambil untuk menghindarkan risiko radiologikal yang mungkin timbul daripada aktiviti Syarikat Asian Rare Earth dalam mengendali, mengangkut serta menyetor bahan thorium hidraxid tersebut.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, yang telah ditubuhkan pada 1 Februari yang lalu sedang mengkaji saranan yang terdapat dalam laporan tersebut dan sedang mengambil tindakan untuk melaksanakannya. Di samping itu juga, Syarikat Asian Rare Earth dimestikan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh pihak Lembaga ini.

Dengan mematuhi saranan pakar-pakar tersebut dan juga peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga ini, risiko radiologikal yang mungkin timbul daripada aktiviti Syarikat Asian Rare Earth tersebut dapat dielakkan supaya tidak mendatangkan mudharat sama ada kepada pekerja syarikat itu, orang awam ataupun alam sekitar. Oleh itu, soal menutup atau memindah tapak Syarikat Asian Rare Earth itu tidak timbul dan tidak perlu.

PAKAIAN PEJABAT UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN

32. TUAN Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar garis panduan mengenai *pakaian pejabat* untuk kakitangan Kerajaan sudah siap iaitu semua kakitangan lelaki *diwajibkan berbaju batik dan wanita pula berbaju kurung batik*; jika ia, sama ada beliau sedar peri mewajibkan kakitangan wanita bukan Melayu memakai baju kurung merupakan satu paksaan ke atas mereka dan sama ada Kerajaan akan menghentikan niatnya dalam perkara ini sebagai menghormati adat resam rakyat kita yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat itu mendapat maklumat yang menyatakan semua kakitangan Kerajaan lelaki diwajibkan berbaju batik dan wanita pula berbaju kurung batik yang boleh mengakibatkan perasaan untuk polirisasi antara kaum.

Kerajaan telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai pakaian pegawai-pegawai awam semasa bekerja, seperti yang diumumkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985. Sebenarnya pada hari-hari bekerja separuh hari seperti hari Sabtu, pegawai-pegawai awam lelaki boleh memilih sama ada ingin memakai baju batik. Mengenai pakaian pegawai-pegawai awam wanita mereka boleh memakai pakaian kebangsaan dan pakaian-pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja.

DASAR PELABUHAN ASING

33. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa negara-negara jiran kita seperti Thailand dan Indonesia, serta negeri China dan India, sedang mengwujudkan dasar-dasar pelaburan asing yang lebih liberal dan bahawa Malaysia akan menghadapi persaingan yang sangat hebat dari negara-negara ini dalam tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Bagaimanakah Kerajaan kita bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dan menarik lebih banyak pelaburan-pelaburan asing? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dan meminda dasar pelaburan asing kita?

Tuan Oo Gin Sun: Kementerian saya sentiasa mengikuti perkembangan di negara jiran yang bersaing dengan Malaysia dalam usaha menarik pelaburan asing. Selain daripada dasar terhadap pelaburan asing yang mempengaruhi keputusan terhadap penempatan sesuatu projek, pihak pelabur asing juga memberi perhatian yang berat terhadap iklim pelaburan keseluruhannya. Ini meliputi kestabilan politik dan ekonomi, sistem pentadbiran yang bersih dan cekap, kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti

pengangkutan, perhubungan, air, elektrik dan tapak kilang, bekalan bahan mentah dan tenaga pekerja yang mahir.

Kerajaan telah dan sedang berusaha untuk meningkatkan lagi iklim pelaburan ini supaya dapat menarik lebih ramai lagi pelabur, sama ada tempatan atau asing, untuk bersama-sama membangunkan ekonomi negara bagi kepentingan bersama.

Mengenai dasar pelaburan asing, Kerajaan akan meneruskan amalan sedia ada yang berasaskan kepada konsep ekonomi terbuka. Di bawah konsep ini, garis panduan terhadap pegangan ekuiti asing adalah seperti berikut:

- (i) Rakyat Asing dibenarkan memiliki ekuiti majoriti bagi projek yang mengeksplot sebahagian besar pengeluarannya. Dalam kes-kes tertentu milikan ekuiti 100% oleh Rakyat Asing boleh dipertimbangkan;
- (ii) Rakyat Asing dibenarkan memiliki ekuiti minoriti bagi projek yang sebahagian besar keluarannya bergantung kepada pasaran tempatan *ATAU* bagi projek yang melibatkan pemerosesan sumber-sumber tempatan yang tidak boleh diperbaharui.

Garis panduan ini telah dikaji semula oleh Kementerian saya, bertujuan untuk menggariskan dengan lebih terperinci lagi supaya lebih jelas kepada para pelabur, khususnya tafsiran mengenai projek berorientasikan eksport serta paras sebenarnya ekuiti majoriti atau ekuiti minoriti yang boleh dimiliki oleh pelabur asing. Adalah dijangkakan garis panduan yang lebih jelas ini akan diumumkan sebaik sahaja dipersetujui oleh Kerajaan.

PELABUHAN KUANTAN— PEMBINAAN

34. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan sejauh ini ke atas kerja-kerja pembinaan Pelabuhan Kuantan dan juga menyatakan berapakah jumlah muatan kargo yang telah dikendalikan oleh pelabuhan ini. Apakah kemungkinan jumlah kargo ini dapat ditambahkan lagi. Adakah kemudahan tersedia ada dapat menampung pertambahan ini. Jika tidak, adakah Kerajaan merancang untuk memperbaiki keadaan ini dan bilakah akan dilaksanakan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Jumlah wang yang dibelanjakan ke atas kerja-kerja pembinaan Pelabuhan Kuantan adalah sebanyak \$321.7 juta. Untuk tahun 1984, jumlah muatan kargo yang telah dikendalikan oleh Pelabuhan Kuantan adalah sebanyak 555,661 tan. Adalah dijangka bahawa dengan operasi sepenuhnya Pelabuhan Kuantan jumlah kargo yang dikendalikan akan bertambah. Kemudahan-kemudahan yang ada sekarang adalah dijangka mencukupi menampung pertambahan ini untuk beberapa tahun lagi.

PEGAWAI BURUH DI SABAH

35. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan jumlah kekurangan pegawai-pegawai buruh yang terdapat dalam berbagai-bagai kategori di Jabatan Buruh Sabah dan sebab-sebab mengapa kekurangan pegawai-pegawai tersebut tidak dipenuhi dan sama ada kekurangan ini telah menyumbang ke arah ketidakcekapan dan kelambatan dalam memperluaskan Ordinan Pekerjaan 1955 ke Negeri Sabah yang mana kelambatan memperluaskan Ordinan Pekerja 1955 ke Negeri tersebut telah menafikan pekerja-pekerja di negeri

tersebut daripada menikmati faedah-faedah yang diperuntukkan di dalam Ordinan tersebut.

Menteri Buruh (Dato Mak Hon Kam): Pada masa ini terdapat 15 kekosongan jawatan daripada 35 berbagai kategori jawatan Pegawai Buruh di Jabatan Buruh Sabah.

Jawatan-jawatan kosong tersebut telah tidak diisi pada tahun lalu disebabkan pembekuan pengisian jawatan di bawah langkah berjimat-cermat. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1985 terdapat peruntukan bagi mengisi 5 daripada jawatan-jawatan kosong tersebut dan tindakan telah pun diambil untuk mengisinya.

Adalah tidak benar ketidakcekapan berlaku kerana kekurangan pegawai. Sebenarnya kelambatan dalam memperluaskan Akta Kerja 1955 ke Negeri Sabah adalah berpunca atas sebab-sebab teknik dan tidak sekali-kali berkaitan dengan kedudukan perjawatan Buruh Sabah.

ABD RAZAK BIN DAUD— TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

36. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang tahanan Us Ab Laza *alias* Ab Razak bin Daud dari Sungai Petani Kedah yang telah ditahan oleh pihak polis pada 1-9-1984 itu atas tuduhan dan di bawah Akta mana, dan di mana ianya ditahan sekarang ini dan apa keputusan yang telah dibuat terhadapnya sama ada ditahan, dibebaskan dalam kawasan atau dikemukakan kepada Mahkamah Pengadilan untuk dibicarakan sama ada bersalah atau tidak.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Abd. Lazar *alias* Razak bin Daud telah ditangkap oleh pihak Polis pada 1-9-1984 kerana beliau

didapati telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang prasangka serta mengancam keselamatan negara dengan cara menyemaikan semangat kepada pengikut-pengikutnya untuk menentang kerajaan dengan cara kekerasan dan membangkitkan isu-isu sentimen keagamaan yang sempit dan ekstrim bagi memecah belahkan perpaduan umat khususnya orang-orang Melayu di negara ini serta menanam perasaan benci di kalangan rakyat Malaysia terhadap kerajaan yang memerintah dengan memperalatkan agama Islam. Tindakan-tindakannya ini sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan keadaan huru hara dan mengancam keselamatan negara. Dengan itu beliau telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan ditahan di Pusat Tahanan Polis Mukim Batu, Kuala Lumpur bagi menjalani usaha-usaha pemulihan khas sebelum apa-apa pertimbangan dibuat bagi pembebasannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa beliau tidak akan dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan.

BANDUAN YANG DITAHAN— PERBICARAAN

37. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri menyatakan:

- (a) bilangan orang yang telah ditahan dalam 13 penitentiaries di dalam negara ini;
- (b) sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk membawa kesemua orang-orang tahanan ini untuk dibicarakan secepat mungkin kerana "justice denied is injustice";
- (c) apakah sebab tidak dapat membawa orang-orang tahanan ini untuk dibicarakan dengan segera; dan

- (d) berapakah wang telah dibelanjakan ke atas orang-orang tahanan ini setiap tahun dan sama ada lebih baik dibelanjakan wang ini untuk memperbaiki "penitentiaries" di negara ini, jika kes-kes remand dikendalikan dengan cepatnya.

Dato Musa Hitam: Jumlah banduan-banduan yang ditahan kerana menunggu perbicaraan (remand) diseluruh negara, seramai 4364 orang dan peruntukan perbelanjaan terhadap mereka adalah lebih kurang 13 juta setahun.

Untuk makluman yang Berhormat kelewatan perbicaraan banduan ini disebabkan kekurangan Mejistret dan ada kalanya pihak peguambela atau pendakwa Raya tidak bersedia meneruskan perbicaraan mengikut jadual yang ditetapkan atau saksi tidak dapat hadir ke mahkamah.

Kerajaan sedar masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan sedang berusaha mengatasinya dengan menambah bilangan hakim-hakim mengisi kekosongan jawatan Mejistret serta membicarakan dahulu kes yang melibatkan banduan reman (remand).

PASUKAN PENGAKAP SEMPADAN SARAWAK— MEMPERBESARKAN

38. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan anggota Pasukan Pengangkap Sempadan Sarawak (Border Scout) sekarang; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan untuk memperbesarkan pasukan tersebut, kenaikan pangkat dan

gaji dan menyediakan rumah-rumah untuk mereka seperti rakan seperjuangan mereka anggota polis.

Dato Musa Hitam:

- (a) Bilangan anggota-anggota Pasukan Pengakap Sempadan (Border Scout) di Sarawak sekarang ini berjumlah 1,352 orang.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula mengenai kedudukan dan masa depan Pengakap Sempadan sedang giat dijalankan. Kajian ini antara lainnya adalah meliputi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu khususnya mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan kedudukan gaji. Insya Allah kajian ini akan dapat diselesaikan dengan seberapa segera.

**SENAPANG PATAH BAGI
BUMIPUTERA DI KAWASAN
RASCOM**

39. Tuan Justine ak Temenggong Jinggut minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kawasan Rascom di Sarawak sekarang adalah aman dan damai, adakah Kementerian tersebut bercadang untuk membenarkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut, khasnya kaum Bumiputera Luar Bandar untuk membeli "shotgun".

Dato Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun keadaan keselamatan di kawasan Rascom adalah terkawal, namun masih lagi terdapat pergerakan anggota-anggota Parti Komunis Malaya di kawasan tersebut. Dengan yang demikian kerajaan belumlah bercadang untuk melonggarkan

permohonan membeli senapang patah dari penduduk-penduduk di kawasan berkenaan.

**KAMPUCHEA—SERANGAN
VIETNAM**

40. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada ASEAN bercadang menekankan supaya satu mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu diadakan memandangkan serangan-serangan ketenteraan Vietnam telah meningkat di sempadan Thai-Kampuchea dan apakah tindakan yang akan diambil oleh komuniti antarabangsa untuk mengutuk (consure) penggunaan senjata-senjata kimia oleh tentera Vietnam dan Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj): Bahagian pertama soalan ini telah pun saya jawab di Dewan ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb Mac yang lepas.

Menyentuh soal penggunaan senjata-senjata kimia oleh tentera Vietnam sepertimana yang telah dibangkitkan di bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, buat masa ini siasatan-siasatan sedang dijalankan oleh pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga pakar-pakar bidang kimia Barat untuk mendapatkan kepastian dan pengesahan mengenai dakwaan tersebut.

**JAWATANKUASA TERBITAN
MODAL—PEMINDAHAN**

41. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan perbezaan dasar dan pertikaian-pertikaian antara Kementerian Kewangan dan Bank Negara yang mengakibatkan pemindahan Jawatankuasa Terbitan Modal dari Bank Negara ke Kementerian Kewangan dan

Perletakkan jawatan oleh Tan Sri Abdul Aziz Taha sebagai Gabenor Bank Negara.

Tuan Daim Zainuddin: Jawatankuasa Terbitan Modal telah pun dipindahkan dari Bank Negara ke Perbendaharaan kerana ia menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan dasar Kerajaan. Perkara-perkara dasar adalah menjadi tanggungjawab Perbendaharaan dan bukannya Bank Negara. Dalam konteks ini saya ingin juga menyatakan bahawa Bank Negara adalah di bawah kawalan Kementerian Kewangan dan dengan itu soal perbezaan dasar antara kedua badan tersebut adalah tidak timbul.

Saya ingin juga memaklumkan bahawa Y.B. Tan Sri Abdul Aziz Taha telah pun meletakkan jawatan sebagai Gabenor Bank Negara atas sebab-sebab peribadi.

PENAMAAN SEKOLAH

42. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar dengan adanya pengenalan sekolah-sekolah seperti Sekolah Jenis Kebangsaan/Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Tamil/Cina), Sekolah-sekolah Mission dan Sekolah-sekolah Kebangsaan mendorongkan polarisasi semakin hebat sama ada di kalangan murid-murid mahu-pun guru-guru, begitu juga pentadbiran sekolah-sekolah berkenaan; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menghapuskan semua jenis sistem penamaan sekolah dan digantikan dengan satu jenis nama sahaja iaitu "Sekolah Rendah "Malaysia" "Sekolah Menengah Malaysia".

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara penamaan sekolah sudah termaktub dalam Akta Pelajaran di mana wujudnya berbagai jenis sekolah seperti sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan.

Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menghapuskan penamaan sekolah seperti yang ada sekarang kerana penamaan sekolah bukan merupakan faktor utama wujudnya polarisasi kaum.

BANK BUMIPUTERA— HUTANG LAPOK

43. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah "hutang Lapok" yang diberikan oleh Bank Bumiputra Malaysia Bhd iaitu pinjaman dalam negeri, dan berapa peratus yang dianggarkan boleh didapati semula.

(Sila lihat Jawapan No. 35—1-4-85).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb April, 1985).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Menteri telah selesai atau mahu menyambung ucapan?

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Telah selesai.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 23—

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 13, 14 dan 15 dalam membahaskan pada peringkat semalam, saya menyebutkan soal Sijil daripada Land Surveyors Board yang dikeluarkan atau perlu dikeluarkan untuk tanah-tanah yang akan disurvei.

Saya juga bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kemudahan-kemudahan sijil ini boleh diberi ke atas permohonan-permohonan tanah Kerajaan supaya mereka juga boleh menggunakan khidmat daripada jurukur-jurukur Malaysian ini untuk menyukat tanah-tanah yang dipohon daripada tanah Kerajaan dengan sijil yang diberikan oleh Land Surveyors Board ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, Fasal 27 dalam Rang Undang-undang ada

menyebutkan untuk meminda 409A di mana bunyinya:

“409A. Wherever under this Act, any survey fees are chargeable, such survey fees shall not be chargeable where the land is to be surveyed by a surveyor licensed to practise under the Licensed Land Surveyors Ordinance 1958 and a certificate from the Land Surveyors Board certifying that the survey of the land will be carried out, is furnished.”

Jadi bermakna dengan proviso am ini, dengan peruntukan am ini tuan tanah hanya memerlukan certificate daripada Surveyors Board sahaja untuk membolehkan urusan seterusnya dibuat.

Fasal 1 hingga 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 24—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan dalam Fasal 24, seperti notis yang telah diedarkan. Pindaan yang dicadangkan dalam Jawatankuasa ini ialah untuk menggantikan perenggan (b) dengan yang berikut:

(b) dengan menambahkan selepas subseksyen (4), subseksyen (5) baru seperti berikut:

“(5) Nothing contained in sub-sections (3) and (4) shall render invalid any instrument affecting any dealing in any alienated land, any interest therein or any undivided share therein executed under this PART before the commencement of this sub-section.”

Tuan Pengerusi, tujuan pindaan ini bukan sahaja dari segi masalah gubalan, tetapi juga dari segi menyediakan satu proviso, peruntukan peralihan oleh kerana

Kanun Tanah Negara yang dipinda ini telah digezetkan pada 25hb Mac yang lalu yang telah menimbulkan sedikit masalah dari segi masalah peralihan. Maka adalah dicadangkan bahawa pindaan ini dibuat untuk memperkemas lagi Subseksyen (5) yang sedia ada ini dengan Subseksyen (5) yang dicadangkan yang telah saya edarkan dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah satu pindaan, iaitu di bawah Fasal 24 menggantikan perenggan (b) dengan yang berikut:

(b) dengan menambahkan selepas subseksyen (4), subseksyen (5) baru seperti berikut:

“(5) Nothing contained in sub-sections (3) and (4) shall render invalid any instrument affecting any dealing in any alienated land, any interest therein or any undivided share therein executed under this PART before the commencement of this sub-section.”

sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, pindaan seksyen 24 yang baru telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri telah pun memberikan satu pefahaman yang luas tentang pengertian “dealing”, iaitu kalau mengikut, dengan izin Tuan Pengerusi, “Nothing contained in sub-sections (3) and (4) shall render invalid any instrument effecting any dealing.....”. Bermakna kata sebarang cara untuk dibuat ke atas tanah yang jumlahnya satu ekar ataupun 2/5 hektar tidak dapat dibuat oleh sesiapa sahaja yang bersyaratkan pertanian. Ini untuk mendapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri termasuklah soal gadaian, soal cagaran, sewa mungkin, “any dealing”. Jadi, saya hendak minta suatu penjelasan yang lanjut, kalau

boleh jika dimasukkan soal “transmission”, dengan izin. Yang keduanya, arahan daripada mahkamah yang membolehkan tanah itu didaftarkan ataupun tanah itu dengan keputusan yang dibuat oleh Pegawai Penyelesai Harta Pesaka Kecil bagi membolehkan tanah-tanah ini didaftarkan atas nama tuannya tanah hasil daripada keputusan yang dibuat oleh sama ada mahkamah ataupun Pegawai Penyelesai Harta Pesaka Kecil ini, sebab pada fahaman saya dalam bahagian ini pengertiannya terlalu luas, tidak begitu spesifik yang mungkin akan menyebabkan kesulitan fahaman Pentadbir Tanah dalam menyelesaikan perkara ini. Cuma suatu penjelasan ataupun tafsiran tambahan, saya minta kalau boleh diberikan di dalam seksyen 205 yang baru dipinda ini.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, dalam kita membawa pindaan seksyen 205 ini seperti yang diketengahkan dalam seksyen 24 dalam Rang Undang-undang ini tujuannya ialah untuk menentukan bahawa “economic holding” ataupun tanah pertanian, akhirnya yang kurang daripada satu ekar ataupun 2/5 hektar tidak boleh dimiliki oleh lebih daripada seorang pemilik. Tetapi seperti yang dinyatakan dalam cadangan pindaan ini hanya kita tekankan kepada “dealing” sahaja dan tidak termasuk “transmission” ataupun gadaian seperti misalnya dalam peruntukan yang ada sekarang, iaitu 213 misalnya, “Special provision with respect to tenancies exempt from registration”. Ini tidak termasuk dalam peruntukan ini, hanya kita khususkan kepada “dealing” kerana masalah jual-beli atau urusniaga dalam tanah ini boleh disekat. Tetapi masalah

“transmission” ataupun penurunan hak akibat daripada “Small Estate Distribution Ordinance”, “transmission” yang dilakukan atau mesti dibuat oleh Pendaftar ataupun Pentadbir Tanah, kita tidak masukkan di sini kerana cuba hendak menyelesaikan masalah sosio budaya masyarakat Melayu yang mahukan tanah pesaka itu dimilikinya walaupun akhirnya kadang-kadang 8 beradik berkongsi satu ekar pun dia hendak juga. Dalam hal ini, kita terpaksa melonggarkan untuk sementara waktu, mungkin agaknya 20-30 tahun kemudian perkara ini boleh ditinjau semula supaya masalah “transmission” juga akan disekat supaya economic holding ataupun maksud atau semangat subseksyen (5) ini dapat dipenuhi dengan lebih bermakna lagi.

Permintaan untuk meminda dalam peringkat Jawatankuasa ini timbul kerana beberapa kekeliruan dalam Pejabat Tanah menjalankan urusan tiap-tiap hari apabila Kementerian telah mewartakan Akta A587/1984 ini pada 25hb Mac dan banyak mereka yang sedang menjalankan urusan terperangkap dengan penguatkuasaan ini dan ada mereka yang sudah membuat beberapa instrument, seperti borang KTN 14 dan sebagainya tidak dapat didaftarkan, manakala kita sudah beri notis kepada Pemungut Hasil Tanah bahawa undang-undang ini akan hanya dilaksanakan pada 1hb Jun tahun ini kerana borang belum siap dan sebagainya. Tetapi oleh kerana keperluan untuk meminda dan melicinkan lagi undang-undang ini, maka untuk memindanya mesti kita menguatkuasakan dahulu dan untuk menguatkuasakan, seperti dinasihatkan oleh Peguam Negara, mesti diwartakan. Jadi, bila kita wartakan pada 25hb Mac ini banyak yang terperangkap dengan warta ini dan borang belum siap dan sebagainya. Banyak mereka yang hendak pergi tukar hakmilik di

Pejabat Tanah tidak dapat dilayani kerana borang baru tidak ada. Maka itulah sebabnya kita minta kelonggaran kepada pindaan kali ini, seperti dinyatakan, supaya mereka yang terperangkap dengan masalah ini dapat dilonggarkan sehingga dikuatkuasakan undang-undang ini juga pada 1hb Jun tahun ini dan tujuannya semata-mata untuk menyelesaikan masalah rakyat yang mempunyai hakmilik satu ekar dan kurang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan menggantikan perenggan (b) di bawah Fasal 24 seperti berikut:

(b) dengan menambahkan selepas subseksyen (4), subseksyen (5) baru seperti berikut:

“(5) Nothing contained in sub-sections (3) and (4) shall render invalid any instrument affecting any dealing in any alienated land, any interest therein or any undivided share therein executed under this PART before the commencement of this sub-section.”

hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 24 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 25 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM 1967

4.24 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1984;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1984;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1984;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1984;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1984;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1984;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1984;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1984;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1984;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1984;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1984;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1985;

- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1985;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1985;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1985;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1985;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1985;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1985; dan
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1985;

yang telah dibentang di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 25 hingga 46 tahun 1985 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1984 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import dan duti eksais ke atas barang-barang petroleum kepada \$0.3850 seliter bagi premium petrol, \$0.3850 seliter bagi regular petrol dan \$0.0073 seliter bagi diesel, \$0.0150 seliter bagi minyak tanah dan \$0.0446 seliter bagi LPG. Langkah ini diambil berikutan kajian ke atas harga barang-barang petroleum yang dibuat berdasarkan mekanisma harga bagi barang-barang petroleum.

Untuk Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1984 ialah bertujuan untuk mewujudkan Kod Takrif baru khusus bagi bahan mentah utama membuat herbicide dan mengenakan duti import ke atasnya sebanyak 15% ad-valorem. Langkah ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah perlarian cukai yang wujud sebelum ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1984 pula bertujuan untuk menurunkan duti import ke atas sodium choloride serta menggunakannya pada kadar 15% advalorem sahaja. Langkah ini diambil kerana barang ini tidak lagi

dikeluarkan di negara ini dan dengan itu tidak memerlukan perlindungan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1984 bertujuan untuk menaikkan dan menyelaraskan struktur duti ke atas steel wire dan steel wire products, dengan izin, yang memberikan perlindungan tambahan kepada pengeluar-pengeluar tempatan.

Bagi tujuan untuk menyelaraskan dan meningkatkan perlindungan takrif ke atas industri welded steel pipe tempatan, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1984 dibuat untuk meminda sebahagian daripada sub-kepala takrif di bawah nombor Kepala Takrif 73.18 supaya duti import yang selaras pada peringkat 30% atau \$250 setan metrik yang mana lebih tinggi dikenakan.

Perintah ini juga menaikkan duti import bagi barangan yang jatuh di bawah kod tarif 73.1900 daripada 3% kepada 30% atau \$250 setan metrik sebagai langkah untuk mengatasi pengelakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1984 pula bertujuan untuk menaikkan duti import daripada 25% ad valorem kepada 50% ad valorem ke atas beberapa barang dengan maksud untuk memberi perlindungan kepada pengeluar-pengeluar tempatan yang mengeluarkan "rock" wool and fibre glass insulation materials.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1984 pula bertujuan untuk memecahkan kod tarif bagi alat-alat permainan serta mengenakan duti yang baru antara 5% hingga 50%. Langkah ini dibuat bagi membezakan antara jenis permainan yang berunsur perjudian dengan yang tidak berunsur perjudian.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1984 bertujuan untuk menghapuskan duti eksport 5% ad

valorem ke atas quick lime, slake lime kerana bekalan bahan ini melebihi permintaan di pasaran tempatan dengan menghapuskan ini adalah diharap barang ini akan dapat dieksport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1984 pula bertujuan menukarkan kadar duti import yang dikenakan ke atas sanitary wares of vitrous China dari \$8 sekeping kepada 20% atau \$8 sekeping yang mana lebih tinggi. Langkah ini diharap akan dapat membantu perusahaan tempatan yang mengeluarkan barang yang sama yang bermutu tinggi membandingi barang-barang import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1984 bertujuan menyamakan semula duti import bagi cast iron pipe yang dikeluarkan melalui centrifugal casting process dengan mould casting process iaitu kepada \$393.68 setan. Langkah ini bermaksud untuk mengatasi masalah pelarian cukai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1984 pula bertujuan membetulkan susunan pengelasan parts bagi membuat tin containers bersesuaian dengan peraturan di bawah Brussels Tariff Nomenclature.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1985 adalah bertujuan menghapuskan duti eksport 5% ke atas kekeras gagus supaya dapat membantu industri tempatan menghadapi persaingan di pasaran antarabangsa.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1985 pula bertujuan untuk menghapuskan cukai tokok dan menggantikannya dengan duti import sebanyak 5% ke atas jaring-jaring ikan. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha menyatukan cukai tokok dengan Duti Kastam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1983 dibuat untuk mewujudkan kod tarif yang sesuai bagi

video protection system kerana sebelum ini tidak ada kod tarif yang sesuai dan tepat bagi barang tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1985 pula dibuat untuk meminda tarif yang digunakan bagi motor buses supaya sama dengan takrif yang dipakai oleh Customs Cooperation Council.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1985 dibuat hanyalah dengan maksud untuk menukarkan perkataan garus kepada perkataan gaharu tanpa melibatkan perubahan kadar duti barangan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1985 adalah bertujuan untuk memansuhkan beberapa kod tarif yang terdapat di Jadual Kedua Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1983.

Tindakan ini adalah perlu untuk menyelaraskan kadar-kadar duti di Jadual pertama dengan Jadual Kedua hasil dari kajian semula perlindungan tarif yang dibuat ke atas berbagai jenis valves.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1985.....

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua: Tertib Mesyuarat, tidak cukup bilang. Yang Berhormat, saya minta duduk sebentar. Setiausaha, sila kira.

14 orang Ahli hadir, tidak cukup bilang. Setiausaha, sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan*).

Timbalan Yang di-Pertua: 32 orang Ahli yang hadir, sudah cukup bilang. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila teruskan ucapan.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1985 pula bertujuan untuk mewujudkan kepala tarif khusus bagi methal chloride dan menaikkan duti import ke atasnya dari 3% ke 15% *ad valorem*. Langkah ini diambil bagi memberi perlindungan tarif kepada syarikat tempatan yang mengeluarkan barangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud memberi perlindungan tarif yang lebih berkesan lagi beberapa jenis lampu yang diimport dinaikkan duti import melalui Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1985. Dengan ini lampu yang kuasanya kurang dari 60 watt dinaikkan duti import dari 20 sen satu ke 50 peratus atau 50 sen satu yang mana yang lebih tinggi; dan lampu yang kuasanya melebihi 60 watt dinaikkan duti importnya dari 25 sen satu ke 50% atau 55 sen satu yang mana lebih tinggi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1985 pula adalah bertujuan untuk memasukkan perkataan "dan yang maksudnya bukan untuk digunakan perdagangan" selepas sahaja perkataan "orang itu" yang terdapat di bawah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1984. Langkah ini bermaksud untuk mengatasi masalah pelarian cukai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1985 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas susu tepung formula bayi yang dahulunya dikenakan 35% duti. Langkah ini dibuat memandangkan susu tepung formula bayi adalah merupakan barangan perlu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1985 bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas aluminium cans dari 5% ke 20% *ad valorem*. Langkah ini adalah bagi memberi perlindungan tarif kepada pengeluaran tin cans tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang diPertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh sub-seksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1984;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1984;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1984;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1984;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1984;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1984;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1984;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1984;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1984;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1984;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1984;

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1985;

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1985;

(xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1985;

(xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1985;

(xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1985;

(xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1985;

(xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1985;

(xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1985;

(xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1985;

(xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1985;

(xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45 dan 46 tahun 1985 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1985

4.48 ptg.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut Kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya

oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais, 1976, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1985, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan 47 tahun 1985 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1985 adalah bertujuan untuk meminda tarif yang digunakan bagi motor buses untuk disesuaikan dengan tarif yang dipakai oleh Customs Cooperation Council.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1985, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan 47 tahun 1985 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN 1972

4.50 ptg.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah Berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan 1985; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan 48 tahun 1985 disahkan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985 adalah bertujuan untuk memasukkan perkataan dan yang maksud bukan untuk kegunaan perdagangan, selepas sahaja perkataan orang itu. Langkah ini bermaksud untuk mengatasi masalah pelarian cukai serta bersesuaian dengan cadangan asal melalui Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2)

seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972, Perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan 48 tahun 1985 disahkan.

**THE BRETTON WOODS
AGREEMENTS ORDINANCE
1957—SAHAM TAMBAHAN**

4.54 ptg.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Mengikut Seksyen 6 (1) (c), "The Bretton Woods Agreements Ordinance 1957", Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Malaysia mencarum 377 saham tambahan bernilai AS\$45,479,395.00 dalam Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketetapan ini ialah untuk mendapat kelulusan bahawa kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia mencarum sebanyak 377 saham tambahan dalam Bank Antarabangsa bagi pembangunan dan pemulihan atau IBRD bernilai AS\$45,479,395.00 atau M\$112,334,105.65.

IBRD adalah badan kewangan yang ditubuhkan untuk membantu meninggikan taraf kehidupan di negara-negara membangun dengan menyalurkan sumber-sumber kewangan daripada negara maju kepada negara-negara membangun. Bank ini membiayai kegiatan-kegiatannya dari sumber kewangan yang diperolehi dari caruman modal dan tambahan caruman dari negara-negara anggota.

Pinjaman dari pasaran wang antarabangsa dari keuntungan yang tidak diagihkan dan kutipan bayaran balik hutang negara-negara peminjam. Tambahan caruman yang dilaksanakan dengan cara pilihan ini adalah bertujuan untuk mengubah kedudukan undi pemegang saham utama IBRD dan juga untuk menambahkan kemampuan IBRD untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Jumlah saham tambahan yang ditawarkan oleh IBRD adalah sebanyak 70,000 saham termasuk 377 saham yang ditawarkan kepada Malaysia. Setiap satu saham bernilai AS\$100,000 pada nilai dollar AS pada tahun 1944 atau AS\$120,635.00 pada nilai kini. Jadi, saiz tambahan modal adalah AS\$8.4 ribu juta. Tambahan modal ini akan menambahkan kemampuan memberi pinjaman IBRD sebanyak AS\$1.5 ribu juta.

Pihak IBRD juga telah menetapkan bahawa bahagian caruman yang perlu dibayar dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "paid in portion" adalah sebanyak 8.75% daripada jumlah caruman sesebuah negara. Daripada jumlah ini 0.875% perlu dibayar dengan emas atau dollar AS dan bakinya sebanyak 7.875% boleh dibayar dengan mata wang sekarang. Jadi jika Malaysia mencarum kepada semua 377 saham itu bahagian caruman yang perlu dibayar adalah AS\$3,979,447.00 (M\$9,829,234.09) yang mana AS\$397,944.71 atau M\$982,923.26 perlu dibayar dengan emas atau dollar AS dan bakinya sebanyak AS\$3,581,502.36 atau M\$8,846,310.83 boleh dibayar dengan mata wang sendiri sama ada secara tunai atau nota janji hutang.

Sekiranya Malaysia mencarum kesemua 377 saham tambahan itu jumlah saham Malaysia akan bertambah menjadi 4,627. Jumlah undi Malaysia pula akan bertambah dari 4,500 undi kepada 4,877 undi. Walau

bagaimanapun, dari segi peratus kekuatan undi, kekuatan undi Malaysia mengalami kemerosotan sebanyak 0.01% dari 0.6% kepada 0.59%.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebaliknya jika Malaysia tidak mencarum kepada 377 saham itu kekuatan undi Malaysia akan merosot sebanyak 0.05% dari 0.60% kepada 0.55%. Dari segi kekuatan undi kumpulan mengundi Asia Tenggara yang mana Malaysia adalah salah sebuah negara anggota sekiranya kesemua negara anggota mencarum semua saham tambahan itu peratus undi akan merosot dari 3.04% kepada 2.98%. Walau bagaimanapun, kumpulan mengundi Asia Tenggara masih lagi mengekalkan kedudukan ke 18 dalam Lembaga Pengarah Kerja yang mempunyai seramai 21 orang ahli. Sehingga bulan Disember 1984 Bank Antarabangsa bagi Pembangunan dan Pemulihan telah meluluskan kepada Malaysia pinjaman sebanyak wang US\$1,607.72 juta atau M\$3,971.07 juta untuk 57 projek. Ini termasuklah 15 projek yang diluluskan kepada agensi-agensi Kerajaan dengan jaminan Kerajaan Persekutuan. Dari jumlah ini sebanyak US\$369.8 juta atau M\$913.41 juta telah pun dikeluarkan. Oleh yang demikian, memandangkan peranan yang dimainkan oleh IBRD dalam pembangunan Malaysia dan bagi mengelakkan kekuatan undi Malaysia dan kekuatan undi kumpulan mengundi Asia Tenggara dalam bank itu dari merosot adalah perlu Malaysia mencarum semua 377 saham tambahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

5.03 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong peruntukan untuk mencarum sebanyak 377 saham yang bernilai sebanyak US\$45,479,395 juta pada IBRD iaitu Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan ini, suka saya menyentuh beberapa perkara di dalam segi bukan sahaja penambahan saham ini untuk menambahkan undi ataupun kekuatan undi ataupun kedudukan Lembaga Pengarah bagi negara kita dan juga bagi Asia Tenggara tetapi kita harus memikirkan keuntungan yang lebih bagi kita dari segi memulihkan pembangunan dan juga memulihkan keadaan negara kita dan juga pembangunan yang kita jalankan dalam negara kita.

Setakat ini kalau kita bandingkan dengan pinjaman yang kita dapat daripada IBRD ini adalah tidak begitu besar kalau kita bandingkan dengan pinjaman yang kita dapat daripada bank-bank lain yang juga mempunyai faedah yang begitu besar. Kalau dengan penambahan ini sekurang-kurangnya kita akan mendapat kemudahan-kemudahan lain, misalnya keuntungan daripada caruman yang kita berikan itu. Setakat ini sebanyak manakah caruman yang kita dapat daripada bank tersebut setelah kita mencarum sebanyak 4,620 caruman yang merupakan saham yang agak banyak kalau kita bandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Kerana di dalam sumbangan kita menyertai saham-saham seperti ini sebagaimana juga individu yang membeli saham dia akan menganggapkan bukan sahaja pinjaman tetapi keuntungan atau pulangan daripada sumbangan yang besar itu supaya ianya tidak akan

membebankan kita di dalam membayar faedah-faedah yang tinggi. Dan juga pihak Kerajaan apabila kita mempunyai saham yang besar ini setidak-tidaknya kita menumpukan pinjaman yang lebih lagi kepada bank IBRD ini supaya faedah yang kita dapat itu maksima atau lebih besar lagi, kerana ini merupakan kita sebagai sebuah negara yang mencarumnya.

Dalam membiayai projek pula, kalau setakat 57 projek sahaja, rasa adalah sebahagian kecil sahaja. Sepatutnya bank ini akan membiayai projek yang lebih besar lagi bagi negara yang membangun ini kerana sebagaimana kita tahu bahawa dari segi pemulihan kampung, dari segi pembangunan untuk kepentingan masyarakat, untuk kepentingan rakyat yang miskin masih banyak ketinggalan.

Kalau daripada peruntukan wang ini kita dapat sumbangan bagi kemajuan rakyat kita yang memerlukan bantuan, yang memerlukan pemulihan, yang memerlukan sosio-ekonomi yang lebih baik maka sepatutnya IBRD ini akan membiayai projek yang lebih banyak lagi. Sebagaimana yang kita tahu banyak di antara projek-projek kita, projek pemulihan, projek pemulihan nelayan juga projek pemulihan kampung-kampung terbiar, projek pemulihan kampung-kampung baru, projek pemulihan pertanian, penyatuan tanah dan boleh dikatakan banyak pembangunan-pembangunan seperti ini berkehendakkan peruntukan wang daripada Bank Antarabangsa seperti ini. Sepatutnya pihak bank negara kita akan memohon lebih banyak peruntukan daripada bank ini untuk membiayai projek.

Selain daripada itu, saya juga hendak bertanya apakah dengan pembelian sumbangan daripada bank ini negara kita banyak mendapat keuntungan kalau kita bandingkan dengan kita mendapat daripada bank-bank pembangunan Asia atau bank-bank dunia yang lain ataupun daripada

pinjaman luar yang lain yang kita gunakan setakat ini, dari segi faedahnya mana yang lebih besar, mana yang lebih membebankan negara kita? Kalau bank ini tidak membebankan sepatutnya tumpuan kita kepada bank inilah yang sepatutnya kita tumpukan dan dengan sebab itulah tambahan saham seperti ini akan menggalakkan kalau sekiranya ianya akan memberi keuntungan kepada negara kita, lebih-lebih lagi bagi mendapat faedah hasil keuntungannya, bukan setakat hasil pinjaman tetapi hasil keuntungan yang kita dapat daripada sumbangan saham yang kita gunakan sebagai seorang ahli di dalam IBRD ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.11 ptg.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan faedah yang Kerajaan dan negara kita mendapat sebagai satu anggota di dalam IBRD kalau berbanding dengan faedah yang kita dapat dari kumpulan bank yang lain, saya ingin menjelaskan di sini iaitu untuk melaksanakan projek-projek yang menghapuskan kemiskinan dan juga pembangunan negara, pihak Kerajaan sentiasa mencari kewangan bukan dari segi satu pertubuhan sahaja tetapi untuk menjaminkan negara kita ini tidak akan dikawal oleh suatu badan sahaja, kita sentiasa mencari pinjaman dari money market antarabangsa dan juga dari domestic sources juga. Yang perlu kita memberi perhatian ke atas fungsi IBRD dari segi pembangunan, kita harus memberi perhatian jikalau Malaysia tidak mengambil saham tambahan ini, barangkali apabila sampai ke masa untuk kita melobikan wang untuk projek-projek yang kita perlu untuk menghapuskan kemiskinan dan untuk pembangunan di luar bandar, kekuatan kita akan

berkurangan dan inilah akan menjadi masalah yang kita tidak dapat memberikan sebab-sebab yang boleh diterima oleh rakyat jelata oleh kerana sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam arena antarabangsa haruslah kita menentukan dan menjaminkan kekuatan perwakilan kita di dalam badan-badan begini untuk mementingkan national interest kita.

Dari segi projek-projek yang perlu kita melaksanakan, saya ingat di dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan dibentangkan adalah telah diambil kira berkenaan rancangan-rancangan yang perlu dilaksanakan untuk menghapuskan masalah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut Seksyen 6 (1) (c), "The Bretton Woods Agreements Ordinance 1957", Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Malaysia mencarum 377 saham tambahan bernilai AS\$45,479,395.00 dalam Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.16 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mungkin ingat lagi bahawa Dewan ini telah meluluskan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980 pada bulan Januari, 1980 yang bertujuan untuk menubuhkan dan mengasaskan Majlis Peperiksaan Malaysia. Sepertimana yang telah berjalan fungsi utama Majlis ini ialah untuk mengendalikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia iaitu satu peperiksaan yang kita adakan sendiri bagi menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan ataupun Higher School Certificate of Education. Peperiksaan STP atau HSC tersebut ialah peperiksaan yang dikelola dan ditadbirkan oleh Lembaga Peperiksaan Tempatan, Universiti Cambridge.

Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980 yang berkuatkuasa sekarang telah digubal sewaktu Majlis Peperiksaan Malaysia belum lagi menjalankan tugas-tugasnya. Pada ketika itu kehendak-kehendak sebenar Majlis tersebut belum diketahui sepenuhnya. Oleh itu apa yang telah dibuat pada masa itu ialah dengan merujuk kepada badan-badan yang mempunyai fungsi seakan-akan sama apabila menentukan kehendak-kehendak Majlis ini. Kebanyakan badan-badan yang dirujuk itu adalah daripada konsep ataupun negara-negara lain. Kita tidak mempunyai model atau contoh sendiri yang boleh menunjukkan kehendak-kehendak sebenar bagi Majlis tersebut.

Kini Majlis Peperiksaan Malaysia telah melaksanakan fungsinya selama 4 tahun. Dari segi pentadbiran peperiksaan, Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengurus dan mengendalikan satu peperiksaan STPM cubaan pada tahun 1981 dan 3 peperiksaan STPM yang sebenar iaitu pada tahun 1982, 1983 dan 1984.

Dalam bidang penggubalan kertas soalan pada tahun 1982, cuma 18 kertas soalan sahaja telah dibinanya sendiri. Angka ini meningkat kepada 46 kertas pada tahun 1984. Perangkaan ini jelas memperlihatkan perkembangan yang pesat dan peningkatan tanggungjawab yang amat besar untuk dipikul oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Dalam melaksanakan kesemuanya tanggungjawab ini, banyak pengalaman telah diperolehi, pertimbangan yang saksama perlu diberi sementara keputusan yang diambil dalam pengurusan tugas-tugas harian Majlis hendaklah dengan seadil-adilnya kerana peperiksaan adalah sesuatu yang menentukan masa depan penuntut-penuntut. Apa yang mesti diutamakan ialah keselamatan dan keesahan peperiksaan yang dikendalikan oleh Majlis ini iaitu peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Sepertimana yang badan-badan berkanun yang lain, perjalanan dan pengurusan Majlis ini adalah berlandaskan kepada perbekalan dalam Akta yang menubuhkannya. Yang saya maksudkan di sini ialah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980. Pengalaman Majlis ini selama 4 tahun dan berkembang dengan pesat membuktikan bahawa kelicinan dan kecekapan jentera pentadbirannya boleh terjejas kerana adanya beberapa kelemahan di dalam perbekalan Akta Majlis Peperiksaan yang berkuatkuasa iaitu Akta yang berkuatkuasa sekarang. Saya berpendapat bahawa kelemahan ini boleh menjejaskan keselamatan dan keesahan peperiksaan STPM itu sendiri iaitu satu perkara yang serius jika hal ini betul-betul berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah dibuat berikutan dengan peristiwa kebocoran kertas soalan peperiksaan STPM pada tahun 1983 yang lalu. Kajian ini antara lain termasuklah penyemakan semula peruntukan atau perbekalan dalam

Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dengan perhatian khusus diberi kepada pemeliharaan keselamatan peperiksaan. Kesudahannya, kajian ini telah memperakukan bahawa beberapa seksyen dalam Akta tersebut hendaklah dipinda di samping mewujudkan beberapa peruntukan tambahan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada sekarang.

Seterusnya pihak Penasihat Undang-undang Kementerian saya telah diminta menggubal pindaan dan tambahan yang dikehendaki itu. Pindaan dan tambahan ini menyentuh empat bidang iaitu yang berkaitan dengan takrif keselamatan dan pengurusan fungsi-fungsi Majlis dan juga perkara-perkara yang ada kaitan dengan faedah pendidikan di Malaysia. Kesemuanya ini telah diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan, hasilnya ialah isi kandungan Akta (Pindaan) Majlis Peperiksaan Malaysia, 1985 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya bentang latar belakang Rang Undang-undang ini, benarkanlah saya seterusnya mengulas dan menjelaskan tambahan dan pindaan utama di dalamnya. Takrif mengenai "rekod" ialah satu takrif baru yang ditambah pada seksyen 2 dalam Akta yang lama. Tambahan ini khas bertujuan untuk memelihara bahan-bahan sulit yang digunakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dalam urusannya membina atau menggubal kertas-kertas soalan. Tidak lagi mencukupi dengan kita mengatakan deraf atau salinan sahaja antara bahan-bahan sulit yang patut dipelihara, lebih-lebih lagi pada zaman teknologi moden sekarang. Kini Majlis Peperiksaan Malaysia menggunakan bahan-bahan seperti pita dan micro filem untuk menyimpan maklumat-maklumat sulitnya dan orang ramai boleh menggunakan berbagai-bagai kaedah seperti alat-alat

elektronik untuk melakukan penyelewengan. Oleh itu "rekod" bagi Majlis ini hendaklah ditakrifkan supaya meliputi semua bahan-bahan yang digunakannya iaitu maklumat dalam apa juga bentuk di atas apa-apa bahan, benda artikal atau apa barang pun sama ada kekal atau sementara. Takrif baru ini apabilakan dikaitkan dengan tambahan dalam seksyen 28 akan mengukuhkan lagi peruntukan Akta Majlis ini terhadap keselamatan peperiksaan khususnya pemeliharaan segala rekod-rekodnya.

Perkara kedua merupakan satu pindaan kepada perbekalan dalam seksyen 4 (1) Akta sekarang. Pindaan ini diadakan untuk membolehkan kedua-dua Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Ketua Pengarah Pelajaran diwakili dalam Mesyuarat Majlis Peperiksaan Malaysia. Mengikut peraturan sekarang, mereka berdua menjadi hanya ahli ex-officio, tidak boleh diwakili langsung oleh sesiapa sekiranya mereka tidak dapat hadir dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis.

Memandangkan bahawa kedua-dua pegawai tinggi ini mempunyai bidang tugas yang berat dan menyeluruh, maka adalah wajar peruntukan ini diadakan yang membolehkan mereka menghantar wakil seperti mana juga dilakukan oleh ahli-ahli yang terdiri daripada Naib-naib Cancellor Universiti Tempatan, dan peruntukan tambahan ini adalah dijangka bukan sahaja Kementerian Pelajaran tidak kerugian kerana tidak diwakili di dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis, tetapi juga pengurusan tugas-tugas Majlis ini dapat terus dikendalikan dan tidak tergendala. Butiran 12 (1) merupakan satu seksyen kecil baru dan tambahan ini juga bertujuan untuk membolehkan Majlis Peperiksaan Malaysia mengendalikan fungsi-fungsinya secara berterusan baik apa sahaja pun rintangan yang dihadapinya dari masa ke semasa.

Disebabkan oleh perkembangan yang pesat dan pentingnya beban kerja yang terpaksa dipikul oleh Majlis ini, maka peruntukan mestilah ada bagi Majlis ini menurunkan kuasanya agar kelicinan perjalanannya tidak tergendala lebih-lebih lagi dengan beban kerjanya seperti yang terdapat sekarang ini.

Penurunan kuasa ini adalah dengan kawalan dan ianya juga dihadkan kepada Setiausaha Agungnya atau kepada pegawai-pegawai yang dilantiknya. Jika perlu kuasa juga boleh diturunkan kepada mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil di bawah kelolaan Majlis sendiri. Akta yang berkuatkuasa sekarang tidak ada peruntukan seperti ini dan ini adalah satu kelemahan yang boleh menghindarkan perjalanan Majlis itu.

Kerja-kerja peperiksaan dan penilaian perlu dilakukan dengan jaminan keselamatan yang cukup dan semuanya ini hendaklah pula disulitkan. Apabila Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 iaitu Akta yang berkuatkuasa sekarang digubal, peruntukan bagi memelihara kesulitan maklumat mengenai seseorang calon ataupun markahnya diwujudkan begitu ketat sekali. Ini sangatlah baik tetapi ia juga menjadi satu kelemahan. Di bawah peraturan sekarang, markah-markah calon atau skrip jawapan calon tidak boleh dizahirkan. Walau bagaimanapun kita perlu mengakui bahawa sesuatu ujian atau peperiksaan itu ialah juga satu proses penilaian dan apa-apa maklumat yang dihasilkan oleh penilaian ini haruslah disalurkan kembali kepada sistem pelajaran kita bagi maksud memajukan sistem itu sendiri.

Selain daripada itu, Majlis Peperiksaan Malaysia juga membuat penyelidikan ke atas prestasi calon di dalam mata-mata pelajaran peperiksaan STPM yang mereka ambil. Dalam urusan ini markah calon dan juga perangkaan-perangkaan

tertentu terpaksa digunakan. Hasil-hasil penyelidikan dan penilaian seperti ini ada baiknya jika diumumkan terutama sekali data statistik mengenai prestasi calon.

Untuk membolehkan faedah-faedah dari proses penilaian dan penyelidikan ini digunakan khususnya bagi memajukan lagi sistem pelajaran negara kita ini, maka penzahiran data statistik dari peperiksaan STPM itu haruslah dibenarkan. Penzahiran ini adalah dengan syarat iaitu maklumat yang dizahirkan itu tidak boleh membawa kepada kemungkinan bahawa seseorang calon itu boleh dikenal pasti.

Seksyen kecil 26 (2) ialah satu peruntukan baru yang diwujudkan bagi maksud ini. Di samping mewujudkan tambahan dan pindaan yang bertujuan meningkatkan keupayaan Majlis Peperiksaan Malaysia agar pengendalian fungsi-fungsinya dapat dilakukan dengan lebih efisien, lebih cekap dan licin, pembedaan juga dibuat kepada perbekalan dalam Akta sekarang yang khususnya mementingkan soal keselamatan peperiksaan. Di bawah undang-undang sekarang iaitu seksyen 28 (1) dan (2), seseorang yang tidak diberi kuasa dengan sah oleh Majlis Peperiksaan Malaysia yang menyebar atau yang menggunakan mana-mana bahan sulit kepunyaan Majlis, pasti melakukan satu kesalahan. Perbekalan ini didapati tidak mencukupi kerana seseorang yang didapati menyimpan, memiliki atau mengawal bahan-bahan itu tidak bersalah.

Seksyen 28 (3) satu peruntukan baru adalah diwujudkan khusus untuk mengatasi kelemahan ini. Keselamatan peperiksaan ialah satu perkara yang patut diberi keutamaan dalam semua pertimbangan kita. Penyelewengan atau sesiapa yang berniat jahat untuk membocorkan soal-soalan peperiksaan hendaklah dianggap

sebagai musuh utama kita. Perbuatan ini ialah satu kesalahan yang amat serius kerana ia bukan sahaja boleh menjejaskan imej dan kesahan peperiksaan STPM tetapi yang lebih penting ia akan menggugat kepercayaan orang awam khususnya calon-calon peperiksaan STPM yang setiap tahun berjumlah tidak kurang daripada 80,000 orang ramainya.

Supaya kepentingan orang ramai sentiasa terpelihara segala langkah perlu diambil agar kebocoran atau jenayah ini tidak berlaku. Maka atas alasan inilah kesalahan di bawah seksyen kecil 28 (3) ini dianggap satu kesalahan yang berat dan dijadikan kesalahan yang berjenis *seizable offence*. Ini amatlah perlu kerana dengan perbekalan ini, pihak polis diberi kuasa menahan seseorang atau orang-orang yang disyaki tanpa *warrant of arrest* dari pihak mahkamah. Kemudahan ini yang membolehkan polis bertindak dengan cepat adalah mustahak dan crucial kerana pengalaman telah banyak membuktikan bahawa sekiranya polis lewat bertindak, mereka yang telah melakukan jenayah dapat bernafas dan boleh memusnahkan sebarang bukti terhadap jenayah yang telah dilakukan. Hukuman yang berat dikenakan kepada penjenayah ini hendaklah juga dibuat sebagai satu deterrent.

Pindaan yang akhir sekali dibuat pada perenggan 4 (2) dalam Jadual ke dua yang mengecilkkan forum bagi mesyuarat Majlis daripada 9 kepada 7 orang. Tujuan pindaan ini ialah supaya Majlis Peperiksaan Malaysia dapat mengadakan mesyuaratnya walaupun 7 daripada 14 orang ahlinya sahaja yang hadir. Korum seramai 9 orang itu adalah terlalu besar dan kerap kali menimbulkan masalah, kerana ahli-ahli Majlis terdiri dari orang-orang yang menyandang jawatan-jawatan penting dalam bidang tugas yang luas dan berat. Dua daripada mereka pula adalah dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985 ini diwujudkan khusus untuk mengatasi beberapa kelemahan di dalam perbekalan Akta Majlis Peperiksaan 1980 yang dipakai sekarang. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa Kementerian saya dan semua pihak yang berkenaan telah mengkaji dan meneliti setiap tambahan dan pindaan yang saya huraikan sebentar tadi. Semua pihak yang berkenaan mencapai kata sepakat atau konsensus yang penuh dalam usaha hendak mengemaskinikan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 kerana kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang di rasai boleh menjejaskan pengurusan tugas-tugas harian Majlis berkenaan. Di samping itu kecacatan ini juga boleh mengakibatkan terjejasnya keselamatan peperiksaan STPM yang dikendalikan setiap tahun itu.

Urusan mengadakan peperiksaan, mentadbir dan mengendalikannya adalah satu proses yang panjang. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan memerlukan penglibatan pakar-pakar tertentu dari luar selain daripada pegawai-pegawai Majlis sendiri. Di samping itu ramai lagi kakitangan yang dilibatkan semasa peperiksaan itu berjalan. Ini semua bermakna bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia sentiasa menghadapi risiko terhadap keselamatan peperiksaan yang dikendalikan itu. Menyedari keadaan ini pihak Majlis Peperiksaan sentiasa berusaha sertain menyediakan langkah-langkah keselamatan tertentu agar risiko ke atas keselamatan peperiksaannya dapat diperkurangkan dan segala gangguan dalam pengurusan Majlis itu dapat dielakkan. Sebagai contoh baru-baru ini Majlis telah memutuskan supaya tidak lagi mengadakan panel bagi mengkaji kertas-kertas soalan yang telah dibina kerana amalan ini mendedahkan

soalan-soalan peperiksaan kepada sekumpulan orang-orang luar. Sesungguhnya mereka yang bertugas biasa telah menandatangani sijil Akta Rahsia Kerajaan tetapi risiko terhadap keselamatan peperiksaan seperti yang telah banyak saya perkatakan itu tetap ada. Pendek kata, dalam soal keselamatan ini tidak ada tolak ansur yang dapat kita terima. Ini ialah kerana mutu sesuatu peperiksaan itu atau mutu sijil yang diperolehi dari sesuatu peperiksaan itu adalah bergantung kepada bukan sahaja keutuhan dan kesahan peperiksaan tersebut tetapi juga kepada sistem keselamatannya. Sehubungan dengan ini juga, saya suka menekankan kepada betapa pentingnya ataijim "crucial" bagi kita mempertahankan mutu peperiksaan STPM kita itu.

Pada masa ini kelulusan sijil STPM digunakan secara meluas untuk mendapatkan pekerjaan baik dalam sektor awam ataupun swasta. Begitu juga kegunaannya sebagai kelayakan masuk ke institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri. Dalam hal ini kita sama-sama mengetahui bahawa penerimaan sijil STPM itu tidak lagi dipersoalkan. Imej dan nama baiknya telah diterima dan diakui.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ini ialah satu kejayaan yang telah kita capai dalam masa sebegitu singkat yakni sejak kita mengambil alih peperiksaan STPM dari pihak Cambridge pada tahun 1982. Kita harus berbangga kerana dapat membuktikan terutamanya kepada dunia luar bahawa orang-orang kita juga berkebolehan, cekap dan sistematik sepertimana yang dikehendaki dalam urusan-urusan mewujudkan ujian atau peperiksaan, lebih-lebih lagi dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan kita sendiri sebagai bahasa pengantaraan. Semua ini telah menjadi satu kenyataan pada

hari ini dan kita haruslah mempertahankan kedudukan ini. Sementara itu kita harus pula berwaspada kerana di tengah-tengah kita semua masih ada orang-orang yang sanggup melakukan apa juga untuk keuntungan diri mereka sendiri. Inilah masalah yang harus kita atasi. Kebocoran soalan-soalan peperiksaan tahun 1983 telah membuktikan adanya golongan seumpama ini di kalangan kita dan juga adanya beberapa kelemahan dalam perbekalan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang berkuatkuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengakhiri ulasan saya ini dengan menekankan sekali lagi bahawa kita tidak boleh bertolak ansur mengenai mutu, imej dan nama baik peperiksaan STPM dan berdasarkan kepada pendirian inilah maka Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985 ini diwujudkan untuk diperkemas dan mengukuhkan lagi peraturan-peraturan keselamatan dan cara-cara pengurusan peperiksaan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.37 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 serta menguatkan lagi pengurusan dan pentadbiran majlis Peperiksaan Malaysia.

Langkah ini bertujuan menghapuskan segala masalah yang timbul pada masa yang lalu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia telah gagal dalam pentadbirannya. Kegagalan ini telah menyebabkan kebocoran ke atas kertas-kertas soalan peperiksaan dan pengumuman keputusan-keputusan yang salah. Perkara ini tidak berlaku sekali sekala, tetapi berulang beberapa kali.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah menjalankan penyiasatan ke atas perkara ini, tetapi keputusan tidak pernah diumumkan. Kerajaan juga tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini telah menyebabkan timbulnya perasaan bimbang dan hilang kepercayaan di kalangan rakyat terhadap sistem peperiksaan di negara ini. Jadi, saya berharap agar Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985 ini akan menjamin perkara yang sangat dikesali ini tidak berlaku lagi dan akan cuba memperbaiki kecekapan pentadbiran Majlis Peperiksaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah memberitahu rakyat Malaysia melalui suratkhbar bahawa kerosakan-kerosakan keputusan peperiksaan adalah kerana mutu buku-buku, contoh jawapan yang dibeli oleh para pelajar dari penerbit-penerbit swasta sungguh rendah sekali. Jika kenyataan Kementerian Pelajaran ini adalah benar maka bahan-bahan rujukan itu hendaklah dilarangkan. Langkah ini akan menggalakkan para pelajar supaya berdikari untuk memajukan mutu pelajaran mereka. Tetapi Kerajaan masih tidak berbuat

demikian. Apakah Kerajaan akan membiarkan kerosakan berjalan berterusan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keputusan Majlis Peperiksaan Malaysia menolak calon-calon dari sekolah-sekolah bebas. Walau bagaimanapun, Menteri Pelajaran tadi sudah bercakap sedikit mengenai perkara ini maka saya pun mahu bercakap sedikit mengenai perkara itu. Majlis Peperiksaan Malaysia menolak calon-calon dari sekolah-sekolah bebas untuk memasuki SRP, sebab yang diberi ialah calon-calon ini tidak cukup umur, mereka berada di Sekolah Menengah tidak sampai 4 tahun dan akan menghadapi tekanan hebat jika dibenarkan mengambil SRP. Jika mereka lulus dengan mendapat keputusan-keputusan yang baik dan memohon belajar di Sekolah Kebangsaan, umur mereka akan lebih muda dibandingkan dengan pelajar-pelajar lain iaitu 2 tahun lebih muda. Ini adalah tidak selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan. Sebenarnya sejak SRP diadakan sudah ada ramai calon-calon dari sekolah-sekolah bebas iaitu Cina yang menduduki peperiksaan itu dan mendapat keputusan-keputusan yang cemerlang.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun minta jalan?

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, sila!

Tuan Ling Sie Ming: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ling Sie Ming: Jadi, kenapakah Kerajaan telah membuat

keputusan menolak calon-calon yang dilahirkan pada tahun 1970 dan 1971 untuk memasuki SRP atas sebab umur mereka tidak cukup. Keputusan Kementerian Pelajaran itu tidak wajar.

Dalam sebuah negara yang melaksanakan sistem pendidikan bebas, umur tidak dijadikan halangan untuk memasuki peperiksaan. Contoh-contoh wajar di negeri-negeri Eropah dan Amerika Syarikat di mana pelajar-pelajar yang berumur hanya 15 tahun dibenarkan masuk universiti, apalagi calon-calon yang dipilih itu mempunyai mutu yang tertentu, kalau tidak guru-guru tidak akan membenarkan mereka memasuki SRP. Kalau mereka boleh mendapat

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun sekali lagi? Hendak minta jalan atau on a point of order? Sila duduk.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tertib Mesyuarat 36 (1):

“Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan”.

Kita sedang membincangkan Rang Undang-undang Pindaan kepada Majlis Peperiksaan, tetapi yang dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi ialah perkara-perkara yang di bawah bidangkuasa Lembaga Peperiksaan Malaysia. Jadi, tidak ada kena-mengena dengan pindaan Rang Undang-undang yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Saya pun sedang hendak meminta penerangan daripada Yang Berhormat tadi kerana pada fikiran saya pun sudah keluar daripada

tajuknya, perkara yang diucapkan itu terkeluar langsung daripada tajuk. Saya minta dia jangan meneruskan ucapan-ucapan macam itu. Sila teruskan!

Tuan Ling Sie Ming: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ucapan saya ini—tidak panjang. Saya mahu tambah lagi. Tadi saya sudah ucapkan di sini

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau bercakap bersangkutan dengan tajuk, saya benarkan; jika tidak bersangkutan, saya tidak benarkan. Sila teruskan.

Tuan Ling Sie Ming: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan tidak akan menjadi halangan terhadap masa hadapan mereka, sebaliknya Kerajaan perlu membetulkan keadaan ini supaya rakyat kita yang terdiri dari berbagai kaum diberi layanan yang saksama, ini adalah asas perpaduan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.47 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, bukan Akta Lembaga Peperiksaan sebagaimana Wakil Sibu bincangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan ini bagi saya adalah amat wajar sekali bukan kerana untuk menjaga umur atau untuk menjaga kelas ataupun untuk menjaga siapa yang akan masuk peperiksaan, tetapi apa yang penting adalah untuk menjagakan taraf pelajaran dan juga kelulusan yang kita capai dalam negara ini.

Sebagaimana yang kita tahu kebocoran soalan bukanlah satu

perkara baru, ini telah berlaku semasa peperiksaan ini di lakukan oleh pihak-pihak Cambridge sekalipun—kebocoran soalan ini berlaku. Tetapi mungkin tidak sampai ke peringkat-peringkat bawah. Selagi adanya pelajar yang berkehendakkan kelulusan, selagi ada guru yang hendak pelajarnya berkelulusan dengan baik, selagi adanya peniaga-peniaga yang membuat soalan-soalan ramalan maka selama itu kebocoran soalan ini saya rasa tidak akan dapat dielakkan. Mungkin pihak Kerajaan akan dapat mengurangkan keadaan ini. Kalau wakil dari Sibu membuat satu penghukuman ataupun membuat satu judgement, dengan izin, kegagalan Majlis Peperiksaan ini kerana kebocoran soalan, maka ini adalah sesuatu yang tidak wajar dinilai kepada Majlis Peperiksaan ini, kerana ini adalah satu pandangan yang hanya untuk membangkang atau untuk menimbulkan sesuatu isu atau sesuatu perkara yang tidak sepatutnya ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sebagaimana saya sebutkan tadi, kebocoran soalan ini bukan perkara baru, daripada dahulu lagi kebocoran soalan ini berlaku, tetapi begitu ketara sedikit di saat-saat akhir ini terutama pada tahun 1983 sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa ia berlaku ketika peperiksaan ini dijalankan oleh Majlis Peperiksaan kita. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan beberapa perkara, mungkin pihak Majlis sendiri mengetahuinya iaitulah dari segi menyimpan rahsia ataupun amanahnya orang yang bertanggungjawab di dalam menguruskan soalan-soalan itu.

Ini bukan saya letakkan kepada ahli Majlis, tetapi kepada sesiapa sahaja yang terlibat dengan menyediakan atau mewujudkan soal STPM ini, orang inilah yang bertanggungjawab; daripada Office Boynya, daripada

Typistnya, daripada segala segi pihak yang bertanggungjawab dengan ini, kerana mereka ini akan dapat menjalankan penyelewengan dan juga akan menjalankan sesuatu perkara kerana apabila perkara ini dapat dikeluarkan, dapat diambil, ini bermakna wang bagi mereka.

Jadi, adalah amat wajar sekali pihak Kementerian ini telah membatalkan panel bagi mewujudkan soalan-soalan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana ini adalah perkara yang penting bagi setiap peperiksaan itu supaya taraf pelajaran kita, taraf peperiksaan kita dan juga taraf pencapaian murid kita akan dapat dinilai dengan keadaan yang sewajarnya.

Kita tidak mahu peperiksaan yang dimasuki oleh anak-anak atau pelajar-pelajar kita itu menjadi sebagai komputer kerana mereka sudah tahu apakah soalan yang akan keluar dan mereka tahu apa jawapan yang mereka akan jawab. Dengan ini mereka tidak langsung menggunakan pemikiran melainkan menggunakan hafaz ataupun ingatan daripada apa yang diberikan oleh soalan yang mereka dapat itu.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyebut sedikit daripada ramalan soalan-soalan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu. Apakah pihak Kerajaan akan mengadakan sekatan ataupun akan mengadakan peraturan supaya ramalan-ramalan soalan ini tidak akan dilakukan dan tidak akan dijadikan satu perniagaan atau tidak dijadikan satu punca untuk mendapat pendapatan kepada pihak-pihak tertentu daripada keadaan yang berlaku ini kerana inilah sebabnya kebocoran soalan boleh berlaku kerana banyaknya peramal-peramal yang ramalan-ramalan ini kita tahu

daripada pihak mana yang akan sampai kepada kita dan kebanyakan soalan-soalan ini diciptakan di peringkat universiti, misal kita kata. Soalan STPM dibuat oleh pensyarahnya dan pensyarah ini bukan malaikat, begitu juga Ahli-ahli Majlis pun tidak malaikat, jadi semuanya manusia serupa dengan kita, mereka inipun hendak cari nama, mereka inipun ada saudara, mereka inipun makan dan minum serupa kita juga, maka keadaan-keadaan ini boleh berlaku dan kita tahu punca-puncunya daripada sini. Siapa yang diserahkan oleh Kementerian untuk mewujudkan soalan, untuk membuat soalan, untuk menciptakan soalan, maka daripada situ puncunya yang pertama akan sampai dan merebak soalan ini keluar. Jadi, oleh sebab itu makin kurang adalah makin baik. Kalau daripada pindaan ini menyebutkan bahawa Ahli Majlis ini daripada 9 kuorannya menjadi 7, kalau menjadi 3 lagi baik. Kalau satu benda rahsia, makin kurang orang tahu, makin baik; kalau makin ramai orang tahu, sudah tak jadi rahsia; satu orang tahu—rahsia; dua orang, sudah tak rahsia. Jadi, kalau makin kurang Ahli Majlis ini makin baik dari segi mewujudkan keadaan seperti ini.

Jadi, kalau pihak Kementerian ini, kalau dapat, supaya Ahli-ahli Majlis ini biarlah orang-orang yang benar-benar bertanggungjawab dari segi menjaga taraf pelajaran ini, dari segi kebocoran soalan, sebagaimana yang ditekankan oleh Yang Berhormat tadi dan juga dari segi mewujudkan soalan-soalan yang punca-punca yang diambil soalan-soalan itu, kerana kita tahu, kalau misalnya kita kata kebanyakan yang berlaku ini ialah soalan geography maka tentulah punca-punca diambil daripada pensyarah geography daripada universiti, soalan itu diminta dibuat. Kalau kita kata ekonomi, maka punca-punca soalan itu diambil daripada pensyarah ekonomi daripada

Universiti Malaya atau universiti-universiti lain ataupun ada badan. Jadi, mereka ini sudah tahu inilah soalan yang mereka buat. Kalau pelajar itu belajar satu syllabus yang panjang, berjela-jela, tetapi dengan membaca beberapa soalan yang diberi atau yang diramalkan walaupun 20 ataupun 30 soalan tak apa, tetapi dengan membaca 30 soalan itu boleh lulus STPM. Pengawalan ini penting supaya punca soalan itu dicipta. Kalau ini tidak dijaga, sudah tentu mutu pelajaran tidak akan dicapai dan matlamat pelajar kita tidak boleh salahkan; dia akan mencari, akan mengorek, akan membuat apa sahaja supaya soalan peperiksaan yang akan keluar itu sama dengan yang dia baca supaya dia tidak teruk sangat menghafaz atau membacanya. Jadi, itu pentingnya, punca-punca soalan itu akan keluar.

Keadaan ini bukan baru, daripada dahulu lagi. Peramal-peramal soalan swasta telah banyak membuat untung daripada punca-punca soalan yang dapat daripada pusat-pusat pengajian tinggi, terutama pelajar-pelajar tahun 1, tahun 2, tahun 3, balik jual soalan, semasa dekat periksa, mengajar. Kita kata: Wah! pelajar ini bagus, balik mengajar sementara, murid boleh lulus. Dia mengajar mana soalan-soalan yang telah diketahui, diceritakan oleh pensyarahnya sebagaimana saya kata tadi, ini yang penting amanah, kerana mereka itu bukan malaikat. Jadi, inilah punca-puncanya kebocoran berlaku. Walaupun kebocoran itu tidak daripada soalan asal, sekeping soalan peperiksaan, tetapi daripada punca ramalan-ramalan inilah yang menyebabkan gejala-gejala yang menjadikan soalan-soalan itu bocor dan dapat diketahui oleh pelajar dan juga skop pelajar ataupun bidang pelajar itu sangat sempit, kerana mereka itu akan membaca, menghafaz dan mempelajari perkara-perkara yang diramalkan sahaja, dia tidak akan

menyentuh perkara-perkara lain, kerana perkara-perkara lain diramalkan tidak akan keluar dalam peperiksaan dan akhirnya pelajar STPM akan merupakan komputer.

Saya tak tahu sama ada otak yang akan menjadi komputer ini akan sama dengan komputer yang hendak diperbaharui oleh Kerajaan di pejabat-pejabat Kerajaan sebagai satu alat yang moden, tetapi adakah Kerajaan juga mahu rakyatnya berfikir sebagaimana komputer dan juga memikir sesuatu limit atau skop yang tertentu sahaja. Kalau ini kita tidak mahu, maka tindakan hendaklah diambil terhadap peramal-peramal soalan ataupun kepada mana-mana pihak yang menjadikan soalan ini sebagai satu mata pencarian dan pengeluaran kepada mereka.

Selain daripada itu, mengenai keselamatan di dalam menjaga rekod dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan peperiksaan ini. Keselamatan ini juga tidak memerlukan keselamatan atau pihak bersenjata, tetapi keselamatan ini bagi pihak yang beramanah, kerana yang menjaga ini bukan menjaga harta yang kita kata boleh dijual beli, maknanya yang merupakan macam emas ataupun wang ringgit, tetapi ini merupakan suatu yang berharga dari segi nilai pelajar-pelajar kita. Dengan sebab itu, orang yang menjaga ini juga janganlah kita ambil orang sebarang atau kadang-kadang kita jadikan ini sebagai satu perkara yang enteng atau senang yang kita tidak menganggap satu perkara yang wajib kita perketatkan lagi.

Sebagaimana yang kita tahu apabila kita berkehendakkan keselamatan yang baik, kita hendakkan pegawai yang menguruskan peperiksaan dengan lebih baik, kita hendakkan pegawai-pegawai yang menjaga peperiksaan itu menjalankan tugas dengan baik, kita hendakkan semua itu, maka elau itu

kena beri lebih sedikit, kerana saya dengar sungutan sekarang ini banyak yang menjaga peperiksaan ini katanya elaun tak cukup, bayar minyak kereta pun sudah tak padan, makan nasi tengahari pun sudah tak boleh, hendak harap jaga peperiksaan sehari, makan nasi bungkus bukan dia. Jadi, elaun peperiksaan juga mesti dipertimbangkan. Kalau bayar sedikit, hendak suruh kerja banyak, jadi tak patut. Jadi, bayar biar padan, lebih banyak sedikit supaya kita dapat tekan dia, biar kita beri imbohan banyak, kerja biar banyak sedikit. Begitu juga peperiksaan kertas soalan. Peperiksaan kertas soalan pun kadang-kadang ada yang menyebutkan tidak sepadan dengan apa yang harus dilakukan. Dengan sebab itu, maka apabila kita bayar sedikit, kita bayar 60 sen sekeping, maka dia akan periksa dengan nilai 60 sen satu keping kertas. Kalau kita bayar \$1 dia akan periksa kertas itu dengan nilai \$1. Kalau kita bayar \$3 maka dia akan nilai kertas itu dengan bayaran \$3 sekeping kertas. Ini manusia, dia dapat lakukan segalanya. Kalau 60 sen, dia harus habiskan 100 keping. Kalau \$3 mungkin dia habis 20 keping, sudah cukup bagi dia. Tentulah peperiksaan yang lebih teliti dan ini semuanya menggunakan subjektif, menggunakan perasaan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini kita tidak dapat hendak menafikan bahawa segala-gala ini mesti dijaga untuk menjaga mutu, taraf dan juga keputusan yang sewajarnya kepada pelajar-pelajar itu. Kita tidak mahu

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Tertib Mesyuarat, tidak cukup koram.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang. 17 Ahli, tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan*).

Tuan Yang di-Pertua: 31 Ahli, sudah cukup koram. Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di rumah saya kucing kacau ketika makan, ini dia kacau ketika saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Apa hendak? Minta jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Boleh, boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan! Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Apabila saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada keadaan yang tidak ada cukup koram di Dewan ini, saya berhak dan menjalankan tanggungjawab saya sebagai seorang Ahli Parlimen, bukan kacau atau mahu tangkap ikankah atau tangkap tikuskah. (*Ketawa*) Bukan macam ini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila saya makan nasi di rumah, kucing yang kacau. Di sini pun Kucing juga kacau. Jadi dia kacau sedang saya bercakap. Tindakannya betul tetapi dia kacau saya bercakap. Saya sudah hilang modal apa saya bercakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menyebut dari segi denda yang dikenakan \$10,000. Denda ini kalau dari segi pembocoran soalan adalah tak sesuai. \$10,000 ini satu soalan sudah balik modal kalau kebocoran soalan. Jadi denda yang lebih berat harus dikenakan, sebagaimana Yang Berhormat Menteri kata tadi, Kementerian tidak bertolak-ansur, maka denda yang lebih berat harus dikenakan, bukan setakat didenda \$10,000 tetapi didenda lebih berat dengan menambahkan \$50,000 misalnya, ataupun dirotan 10 kali mana yang bebal itu ataupun dipenjara selama setahun ataupun dua tahun supaya mereka itu dapat menginsafi apa yang mereka buat itu, bukan sahaja boleh merosakkan segolongan kecil tetapi boleh merosakkan satu sistem yang ada dalam negara kita iaitu sistem peperiksaan dan juga sistem yang kita lakukan sekarang ini. Inilah akibat daripada perbuatannya itu. Jadi, denda yang lebih berat, bayaran yang lebih tinggi harus dikenakan kepada mereka yang melakukan kebocoran, tidak menyimpan rahsia ataupun yang tidak amanah dari segi Peperiksaan STPM ini yang dijalankan oleh Majlis sekarang ini kerana ini adalah merupakan amanah rakyat bagi menilai kepandaian rakyat supaya rakyat di negara ini akan mempunyai taraf pelajaran yang lebih tinggi, taraf pelajaran yang lebih baik dan taraf pelajaran yang sepatutnya demi untuk kepentingan negara.

Selain daripada itu juga, Kementerian Pelajaran hendaknya memberikan satu nilai yang lebih baik kepada kelulusan pelajar-pelajar bumiputera di luar bandar, kerana kita tahu dalam Peperiksaan STPM ini mereka mendapat soalan yang sama, akan mendapat penilaian yang sama tetapi di dalam kemudahan mendapat pelajaran, mereka tidak mendapat kemudahan yang sama, mereka mempunyai kekurangan guru ekonomi, mereka mempunyai

kekurangan guru Mathematics, mereka mempunyai kekurangan Khutub Khanah, serba-serbi kekurangan, tetapi penilaian yang sama, soalan yang sama dikenakan kepada pelajar-pelajar ini. Ini bukan maksud saya untuk merendahkan tetapi untuk mencari satu jalan bagaimanakah untuk menimbang-nimbang tentang pelajar-pelajar kita di luar bandar terutama apabila saya sebut luar bandar ialah mengenai bumiputera. Ini bermakna bukanlah tidak ada bukan bumiputera di luar bandar tetapi apabila kita sebut miskin di luar bandar, maka terlintas di kepala kita adalah bumiputera. Ini tidak dapat kita hendak nafikan, perkara ini wujud di dalam masyarakat kita hari ini. Jadi, dengan sebab itu, dengan serba kekurangan ini maka sesuatu penilaian, sesuatu kemudahan atau sesuatu keadaan harus dipertimbangkan supaya pelajar kita ini akan mendapat hak yang sama dari segi mendapat kelulusan pada masa akan datang.

Dengan itu, saya sekali lagi menyokong pindaan-pindaan ini supaya pindaan ini akan dapat memberi kesempurnaan kepada Majlis ini bagi menentukan taraf pelajaran yang lebih baik dan bermutu kepada rakyat kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

6.07 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan di atas pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980.

Dengan adanya pindaan seumpama ini dan juga kemungkinan pindaan-pindaan pada masa-masa yang akan datang semoga Majlis ini akan sentiasa

ingat, akan sentiasa waspada bahawa hakikat yang sebenarnya tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat kepada mereka adalah terlalu berat untuk dipikul dan terlalu sensitif, mentelahan pula Majlis ini bak kata pepatah: Baru berumur setahun jagung, baru berdarah setampuk pinang dan di dalam umur yang begitu muda, saya ingin melahirkan rasa dukacita saya terhadap wakil dari Sibu yang telah menyatakan bahawa Majlis Peperiksaan ini gagal di dalam melaksanakan peranan tugas dan tanggungjawab. Perkataan "gagal" yang digunakan oleh wakil dari Sibu itu adalah terlalu keterlaluan dan tidak patut digunakan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga tidak patut dilemparkan kepada Majlis yang baru berumur empat tahun ini. Mengapakah wakil dari Sibu tak boleh menggunakan rangkai kata lain bagi menggantikan perkataan "gagal". Misalnya Majlis ini masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Saya ingat kalau digunakan perkataan-perkataan seumpama ini lebih sedap bagi Ahli-ahli Majlis dan pegawai-pegawai di dalam Majlis ini untuk memperbaiki keadaan daripada masa ke semasa bagi kepentingan rakyat terutamanya para pelajar kita secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam membentangkan pindaan terhadap Akta Majlis ini ada menyatakan bahawa terdapat soalan-soalan yang bocor. Memang kita akui perkara ini dan di sini saya ingin mengingatkan bahawa jika sekiranya Majlis tidak berwaspada, berhati-hati terhadap peranan tugas dan tanggungjawab mereka maka kemungkinan kebocoran soalan-soalan pada masa-masa yang akan datang akan berlaku. Malah kemungkinan-kemungkinan yang lain juga mungkin timbul seperti kertas-kertas yang kurang diberikan ke pusat-pusat

peperiksaan hingga mengakibatkan calon-calon terpaksa dikurung dalam bilik darjah di quarantine, dengan izin, ataupun kertas-kertas soalan yang tersalah beri, tersalah tajuk diberikan kepada calon-calon peperiksaan dan mengakibatkan calon-calon peperiksaan terpaksa juga, dengan izin, di quarantine pula, kemudian kertas-kertas jawapan daripada calon yang tidak dikutip sehingga akhirnya calon itu menerima keputusan "X" dan yang seumpamanya.

Perkara ini adalah merupakan kecuaiian-kecuaiian daripada pegawai-pegawai yang ditugaskan atau diamanahkan untuk mengendalikan peperiksaan-peperiksaan dalam negara kita dan dalam konteks ini peperiksaan STPM yang di bawah bidang kuasa Majlis Peperiksaan kita dan saya percaya jika sekiranya kecuaiian-kecuaiian tersebut berlaku maka pegawai-pegawai yang bertanggungjawab akan dikenakan tindakan-tindakan yang tertentu dan saya rasa tindakan-tindakan yang seumpama ini telah pun dilaksanakan, telah pun dilakukan oleh Kerajaan kepada pegawai-pegawai yang didapati bersalah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dari segi hakikatnya bahawa tugas Majlis Peperiksaan ini adalah berat. Bagi saya terlalu berat bekerja sepanjang tahun. Di peringkat awal mengutip yuran-yuran peperiksaan, menghadapi masalah calon-calon yang lambat membayar yuran peperiksaan, menjelaskan yuran peperiksaan, lantaran kerana kemiskinan. Kemudian menghadapi pula masalah-masalah perubahan permohonan untuk mengubah mata pelajaran yang akan diambil daripada calon-calon, kemudian menghadapi pula masalah perubahan pusat permohonan untuk mengubah pusat-pusat peperiksaan, kemudian menghadapi pula masalah

menyediakan soalan dikhuatiri soalan akan bocor, bagaimana cara-cara hendak menjaga supaya soalan ini benar-benar ketat, tidak bocor, kemudian hendak menjaga mutu soalan, selepas daripada itu menjalankan pula peperiksaan, kesesuaian dewan peperiksaan, keselesaan calon-calon di dalam dewan peperiksaan. Kemudian memeriksa kertas pula, menseragamkan kaedah-kaedah pemeriksaan kertas, kerana perkara-perkara seumpama ini adalah terlalu sensitif terutamanya bagi calon-calon dan terlalu sensitif bagi masyarakat di dalam negara kita apabila keputusan-keputusan peperiksaan itu diumumkan kelak di mana bila calon-calon mendapati bahawa keputusan diberi kepada mereka agak tidak sesuai, tidak puas hati maka mereka mengemukakan pula permohonan-permohonan untuk melihat, membantah tentang keputusan-keputusan tersebut.

Jadi itu saya katakan bahawa tugas Majlis ini memang berat untuk dilaksanakan, maka menyedari tentang hakikat bahawa tugas mereka ini berat, tanggungjawab mereka itu berat, kita berasa simpati kepada Majlis. Walau bagaimanapun oleh kerana perkara ini merupakan suatu amanah, perkara ini merupakan satu tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh masyarakat dan negara kepada mereka, maka mereka haruslah menjalankan peranan dan tugas itu dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong cadangan wakil dari Pasir Putih di dalam ucapan beliau sebentar iaitu untuk menaikkan kadar pembayaran bagi mereka yang mengendalikan peperiksaan—pengawas-pengawas peperiksaan, pemeriksa-pemeriksa kertas peperiksaan, kadar yang ada sekarang ini, saya rasa adalah terlalu rendah untuk diberikan kepada mereka dan oleh kerana ianya rendah seperti apa

yang dinyatakan oleh wakil dari Pasir Putih bahawa mereka juga adalah merupakan manusia biasa, manusia yang mempunyai perasaan, manusia yang mempunyai keinginan, kehendak dan sebagainya dan manusia yang mampu untuk membuat penilaian. Kalau dibayar sekian, kerjanya sekian, seperti apa yang dinyatakan oleh wakil dari Pasir Putih tadi, dan apa yang saya dapati bahawa kadar pembayaran yang ada pada ketika ini adalah rendah demi untuk menjamin salah satu cara, saya rasa untuk menjamin mutu peperiksaan STPM, untuk menjamin keselamatan peperiksaan dari segi soalan itu supaya tidak bocor, dari segi kertas soalan yang kurang, tersalah beri kertas soalan, kertas jawapan yang tidak cukup dikutip—ada calon-calon yang tidak dikutip kertas jawapan mereka demi untuk menjamin perkara-perkara ini tidak berlaku pada masa-masa yang akan datang. Mungkin dinaikkan sedikit kadar bayaran kepada pengawas-pengawas peperiksaan ini akan memberi kekesanan.

Di samping itu saya juga mendapati bahawa pembayaran terhadap tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pengawas-pengawas peperiksaan ini agak lambat, perhatikan, percepatkan pembayaran pada masa-masa yang akan datang agar pengawas-pengawas peperiksaan dan penolong-penolong pengawas peperiksaan ini merasakan suatu kepuasan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian, kerana kaum guru di dalam negara kita, Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran di dalam negara kita ini memang sentiasa menyuarakan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kenaikan pangkat oleh kerana terlalu tertutup sangat kenaikan pangkat dan sebagainya, menimbulkan ada di antara mereka yang kecewa tentang perkara-perkara ini. Jadi kemungkinan

juga kekecewaan dari sudut ini membawa berekoran kepada bahagian pengawasan dan pemeriksaan kertas-kertas peperiksaan STPM.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat saya berikan dan cadangkan di dalam ucapan saya dan akhirnya, saya menyokong pindaan Akta Majlis Peperiksaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga Tenggaroh atas sokongan yang telah diberikan kepada cadangan pindaan kepada Akta Majlis Peperiksaan ini dan juga ingatan yang telah diberikan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan langkah-langkah yang mesti diambil supaya menjamin keselamatan peperiksaan, saya terima dengan baik. Insy Allah, saya memberi pengakuan bahawa segala usaha, segala peraturan akan diperkemas supaya keselamatan peperiksaan itu benar-benar terjamin.

Berhubung dengan perkara-perkara yang khusus yang telah disebutkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, yang pertama ialah yang berkaitan dengan elaun. Jadi sukalah saya maklumkan bahawasanya Majlis sedang mengkaji elaun pengawas peperiksaan yang diberikan sekarang ini. Sebenarnya, elaun ini telah pun dinaikkan bermula pada tahun 1982 lagi, waktu Majlis ini mengambil peperiksaan dan di samping itu pengawas juga adalah dibayar elaun perbatuan. Selain daripada elaun pengawas, saya memang memahami bahawasanya hal yang berkaitan dengan elaun ini adalah agak penting bagi memastikan adanya

tumpuan minat sepenuhnya terhadap tugas-tugas mengawas peperiksaan. Maka atas sebab itulah agaknya Majlis ini telah pun menaikkan elaun bagi pengawas itu dan soalnya sama ada akan dinaikkan lagi, ini akan dipertimbangkan.

Dan berhubung dengan bayaran yang diberi bagi pemeriksa kertas, pada waktu ini Majlis belum ada lagi sebarang tindakan bagi mempertimbangkan kenaikan kerana bayaran yang diberikan sebanyak \$5 dan \$5.50 itu pada waktu ini dianggap sebagai agak mencukupi dan jika dibandingkan dengan elaun yang diberikan oleh badan peperiksaan yang lain, maka elaun pemeriksa yang diberikan sekarang ini agak lebih sedikit dan dengan itu saya anggap sebagai berpatutan pada waktu ini. Inilah yang berhubung dengan elaun dan perkara ini telah ditimbulkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh dan Pasir Putih.

Berhubung dengan fasal perlunya diawasi supaya tidak terlalu ramai pakar-pakar yang terlibat dengan penggubalan soalan-soalan untuk peperiksaan itu kerana menjaga keselamatan, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, pada waktu ini Majlis telah pun membuat satu keputusan iaitu hanya seorang sahaja penggubal yang ditetapkan bagi satu kertas soalan. Jadi tidak seperti dahulu diadakan Panel. Maka cadangan Ahli Yang Berhormat supaya dikurangkan penglibatan orang ramai ataupun pakar yang lebih ramai kerana tujuan keselamatan, memang sekarang ini dalam pelaksanaan dan juga saya sukalah menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga tentang perlunya kita beri perhatian ataupun kita lebih teliti dan halusi apabila kita melantik seseorang itu untuk mengendalikan peperiksaan STPM ini dalam apa jua

peranan dan tugas yang telah ditetapkan. Saya menyambut baik cadangan itu dan sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat memanglah sekarang ini Majlis menjalankan pemilihan mereka yang akan terlibat dengan pelaksanaan peperiksaan itu dengan penuh teliti.

Saya masih ingat lagi apabila saya mengambilalih Kementerian Pelajaran, antara tugas saya yang pertama sekali, yang mula-mula saya lakukan ialah berjumpa dengan Pengerusi Majlis Peperiksaan sendiri iaitu Professor Diraja Ungku Abdul Aziz dan saya telah pun memberitahu kepada Professor Ungku Abdul Aziz supaya disediakan satu peraturan yang paling lengkap yang berkaitan dengan manual procedure tentang bagaimanakah segala rupa tugas yang berkaitan dengan Majlis Peperiksaan itu patut dilaksanakan supaya nanti tidak ada sebarang tindakan yang dibiarkan atas inisiatif semata-mata.

Saya telah mengambil pendirian bahawa dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan, kita sebenarnya tidak boleh membenarkan pegawai yang terlibat untuk menggunakan terlalu banyak inisiatif kerana nanti mungkin ada pegawai yang tidak berinisiatif ataupun kurang sensitif, maka dengan itu kesilapan boleh berlaku. Jadi inisiatif ini sebenarnya tidak banyak peranan dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan. Apa yang perlu dibuat ialah satu manual procedure yang disusun dengan rapi supaya tiap tindakan walaupun kecil, tindakan itu akan direkodkan dan dicatatkan dan dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan supaya nanti tidak akan lagi berlaku sebarang kesilapan. Dan al-hamdulillah saya percaya kita semua bersyukur kepada Allah SWT kerana pada tahun ini peperiksaan STPM itu telah berjalan dengan baik dan tidak berlaku sebarang kebocoran yang

dibimbangkan oleh orang ramai, oleh sebab pada tahun 1983 kebocoran itu berlaku. Jadi inilah saya fikir satu-satu kejayaan yang telah dicapai, walaupun begitu berasaskan kepada pandangan dan pendapat bahawa dalam hal keselamatan, kita tidak boleh membiarkan ruang terlalu luas untuk inisiatif maka oleh sebab itu maka tindakan diambil bagi membuat pindaan kepada Akta Majlis Peperiksaan ini sebagaimana yang saya telah bentangkan awal-awal tadi. Jadi al-hamdulillah sekarang ini Majlis ini berjalan dengan baik dan semua kegiatan pun dapat dilaksanakan dengan rapi dan mengikut peraturan.

Saya mempunyai keyakinan bahawa dengan adanya pindaan ini, maka keselamatan peperiksaan akan lebih terjamin lagi dan integriti peperiksaan STPM yang kita sendiri kelolakan itu akan dapat diterima dan akan menjamin kebaikan STPM bagi penerimaan oleh mana-mana juga pihak yang memerlukan sijil STPM itu, sama ada untuk memberi pekerjaan kepada pemohon ataupun sama ada memberi tempat dalam institusi pengajian tinggi kepada pemegang-pemegang STPM yang kita berikan itu.

Cuma yang saya paling kesal ialah telatah Ahli Yang Berhormat wakil dari SibU yang dalam percakapannya tidak ada satu benda yang tepat, mengatakan bahawa kebocoran berlaku berulang kali, padahal hanya sekali sahaja dan undang-undang yang baik yang kita buat ini pun tak dengar perkataan "sokong" padahal beliau sendiri mengharapkan supaya Lembaga Peperiksaan atau Majlis Peperiksaan kita melaksanakan tugas dengan baik dan licin. Dan apa yang kita buat adalah dengan tujuan itu, tetapi sokongannya tidak didengar, dan kita pun tak boleh harapkan sangat DAP hendak sokong, baik pun tak sokong, kalau tak baik memang tak kenalah.

Dan tentang hal yang berkaitan dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan Lembaga Peperiksaan SRP itu, oleh sebab perkara itu adalah perkara yang "irrelevant" maka saya tidak bercadang hendak menjawab, mungkin Ahli yang Berhormat itu sengaja membawa perkara ini. Kalau dia tak tahu, maka paling kesal sebagai Ahli Yang Berhormat dia tidak tahu, tetapi kalau sengaja dibawa saya fikir ini ada hubungan dengan memancing undi untuk pilihanraya dan saya tidak akan membantu beliau untuk mendapat sebarang undi kerana itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Menangguhkan Bacaan Kali Kedua

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):**
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) ditangguhkan bacaan kali keduanya pada hari lain di dalam mesyuarat ini juga.

**Menteri Kebajikan Masyarakat
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua pada hari lain di dalam mesyuarat ini juga dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) ditangguhkan bacaan kali keduanya pada hari lain di dalam mesyuarat ini juga.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMBANTU HOSPITAL
(PENDAFTARAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dan Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 bagi menukar nama dan gelaran Lembaga Pembantu Hospital dan pegawai-pegawai yang didaftarkan di bawah Lembaga ini yang sekarang ini digelar sebagai Pembantu Hospital.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 adalah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan satu Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran), pendaftaran Pembantu-pembantu Hospital dan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Mengikut Akta ini, tiada seorang boleh diambil pekerja sebagai Pembantu Hospital melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah Akta.

Penggantian nama ini adalah berdasarkan kepada corak latihan yang diberi dan peranan dan tugas yang dijalankan oleh Pembantu Hospital. Mereka bertugas bukan sahaja membantu pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital dalam perkhidmatan rawatan perubatan, akan tetapi juga berkhidmat di pusat-pusat kesihatan, gudang-gudang ubat dan pasukan-pasukan klinik bergerak

di bawah kelolaan dan pengawasan pegawai-pegawai perubatan. Pembantu Hospital secara langsung terlibat dalam memberi rawatan perubatan kepada pesakit-pesakit dan membantu pegawai-pegawai perubatan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Oleh hal yang demikian, gelaran Pembantu Perubatan amat sesuai bagi menggantikan gelaran Pembantu Hospital yang digunakan untuk mereka pada masa ini. Pindaan-pindaan yang sedemikian dapat mencerminkan peranan dan tugas yang sebenar-benarnya dimainkan oleh Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran) dan pegawai-pegawai ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan meminda seksyen 8 adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri mengecualikan dari pendaftaran seseorang pemegang Sijil Pembantu Hospital Estate atau Sijil Jururawat Tentera yang telah diambil bekerja pada permulaan Akta ini pada tahun 1977/79 dalam Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun dan lain-lain tempat sebagai Pembantu Hospital untuk didaftarkan di bawah Akta ini. Mereka ini berpengalaman dan boleh menjalankan tugas-tugas Pembantu Hospital dengan memuaskan serta setanding dengan Pembantu Hospital yang berdaftar. Pindaan kepada seksyen 22 adalah untuk membetulkan satu kesilapan perkataan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pindaan kepada Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 adalah bertujuan untuk memasukkan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya atau kelayakan-kelayakan pelajaran sebagaimana diluluskan oleh Menteri bagi mana-mana Jururawat Lelaki Tentera dan Pembantu Rendah sebagai syarat yang boleh diterima bagi kemasukan menjalani latihan di Pusat

Latihan Pembantu Hospital yang diluluskan menurut peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan. Pindaan yang sedemikian akan memberi peluang kepada Jururawat Lelaki Tentera atau Pembantu Hospital Rendah yang berpengalaman dalam bidang perubatan meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan perubatan dan kerjaya mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

6.41 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini adalah untuk memberikan sokongan kepada Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dengan adanya pindaan peraturan yang dibuat ini dan juga pertukaran nama bagi jawatan Pembantu Hospital ini adalah sesuai kerana memandangkan peranan dan tugas yang dilaksanakan oleh Pembantu-pembantu Hospital ini.

Mereka ini dahulu dikenal sebagai Pembantu Hospital memberikan pengertian bahawa tugas mereka ini begitu umum iaitu membantu apa jua kerja yang diadakan dalam hospital, padahal peranan dan tugas mereka ini adalah begitu penting dan boleh dikatakan khusus seperti yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa peranan dan tugas Pembantu Hospital adalah membantu Pegawai-pegawai Perubatan, menjalankan tugas di Pusat-pusat Kesihatan, di gudang-gudang ubat dan juga di klinik-klinik bergerak. Dan seperti yang kita maklum biasanya di klinik-klinik bergerak ini Pegawai Perubatan atau Doktor jarang-jarang dapat dihantar bertugas, jadi Pembantu Hospital ini atau dengan nama barunya Pembantu Perubatan inilah yang diharapkan untuk menjalankan kerja-kerja Pegawai Perubatan. Dan ini memberikan suatu pengertian bahawa tugas mereka ini bolehlah dikatakan sama pentingnya dengan tugas Pegawai Perubatan terutamanya di luar bandar di mana di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bergerak yang saya sebutkan tadi memang jarang-jarang dapat mengadakan Pegawai Perubatan maka mereka inilah menjalankan tugas yang penting itu. Dan jumlah penduduk-penduduk di luar bandar yang mendapat khidmat perubatan daripada pekerja-pekerja golongan ini adalah begitu besar bilangannya kalau dibandingkan dengan di bandar-bandar, di hospital-hospital sama ada di hospital daerah ataupun di hospital-hospital besar di bandar-bandar besar di negara kita ini memanglah dapat khidmat daripada Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar tetapi bagi mereka yang di luar bandar setakat mendapat rawatan daripada Pembantu Perubatan dan juga Jururawat-jururawat.

Mengenai latihan dan kelulusan yang ditentukan ataupun kelayakan yang disyaratkan bagi mereka ini

memasuki latihan, saya berpendapat adalah amat sesuai iaitu dengan memasukkan kelayakan SPM dan sijil-sijil yang setaraf dengannya, kerana kelulusan minima Sijil Pelajaran Malaysia ini adalah penting disebabkan mereka ini mungkin selepas berkhidmat beberapa tahun daripada Pembantu Perubatan akan cuba pula meninggalkan lagi mutu dan taraf pengetahuan latihannya maka sesuaiilah kelayakan SPM dan sijil-sijil yang setaraf dengannya itu dimasukkan dalam Peraturan 10 bagi Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 ini.

Saya suka jugalah menegur sedikit mengenai khidmat mereka ini walaupun saya katakan tadi khidmat mereka itu begitu penting sebagai pembantu kepada Pegawai Perubatan dan juga kadang-kadang memainkan peranan sebagai Pegawai Perubatan tetapi saya sukalah menyetuh sedikit mengenai khidmat mereka bukan sahaja Pembantu Perubatan bahkan kakitangan-kakitangan di seluruh hospital yang ada di tanahair kita ini.

Kita faham dan kita menyedari bahawa kekurangan Pegawai Perubatan, kekurangan Pakar, kekurangan Pembantu Perubatan dan juga Jururawat, kekurangan kakitangan keseluruhannya kadangkala menjadi suatu tekanan kepada pekerja-pekerja di satu-satu tempat terutamanya di hospital di mana mereka ini terpaksa melayan orang-orang sakit; hendak melayan orang sakit ini bukannya senang dan bukannya mudah, terpaksa mereka itu begitu dedikasi dan bersabar, kalau tidak sabar memang susahlah, tidak bolehlah menjadi pekerja-pekerja di hospital.

Inilah yang menjadi rungutan orang ramai. Kami Wakil Rakyat inilah tumpuan mereka mengadu kerana ada didapati juga bahawa kadangkala kakitangan hospital ini begitu kasar

terhadap pesakit-pesakit dan kadangkala perkataan-perkataan yang digunakan itu sungguh menyinggung perasaan pesakit-pesakit terutamanya orang-orang di luar bandar iaitu orang-orang kampung yang sentiasa berasa takut kalau hendak pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan, apatah lagi hendak pergi hospital, kadang-kadang mereka takut sama sekali hendak pergi ke hospital. Dan apabila mendapat layanan seperti itu dengan perkataan-perkataan yang kasar; maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, seperti perkataan yang pernah diadukan kepada saya mengatakan: "Sudah hendak mampos baru hendak datang ke hospital". Jadi, bererti bahawa memanglah kadang-kadang sudah begitu tenat memang kalau dia tidak sakit sangat, dia tidak pergi hospital. Oleh kerana dia sudah sakit sangat, dia sudah tidak tahan lagi baru dia pergi ke hospital.

Begitulah keadaan orang-orang kampung kerana masih lagi ada di antaranya merasakan bahawa agaknya ubat tradisional itu boleh membaikkan mereka, mereka mencuba sehinggalah saat-saat akhir; tidak boleh tahan lagi, tidak boleh diubat lagi barulah dia pergi ke hospital. Jadi, saya berpendapat bahawa perkataan yang kasar seperti itu tidak patutlah dikeluarkan oleh kakitangan Kerajaan terutamanya golongan yang menjaga orang-orang sakit yang mesti melayan orang-orang sakit di hospital-hospital.

Mengenai Seksyen 8 di mana Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan Pembantu-pembantu Hospital dari estet dan tentera itu dalam tahun 1977, 1979 yang telah diberikan perkhidmatannya bertahun-tahun dalam khidmat-khidmat mereka yang lalu saya berasa adalah wajar kerana mereka ini memang mempunyai pengalaman yang luas bukan sahaja dapat memberikan khidmat yang baik bahkan mereka ini boleh juga memberikan layanan-layanan yang sempurna.

Saya mengakhiri ucapan ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan atas usahanya memberikan nama baru dan memberikan taraf baru serta memberikan harapan baru kepada kumpulan mereka yang memberikan khidmat dan tugas yang penting dari bidang perkhidmatan di hospital. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kemaman.

6.48 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya turut juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri bagi mewakili Menteri Kesihatan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini. Saya percaya hasrat dan cita-cita Kementerian Kesihatan untuk meminda Rang Undang-undang ini ialah bertujuan untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan dan juga layanan-layanan yang seharusnya diberi oleh hospital kepada pesakit-pesakit sama ada di dalam bandar ataupun di luar-luar bandar terutama sekali. Saya percaya juga Rang Undang-undang ini diadakan ialah bertujuan di antaranya untuk mengatasi kekurangan doktor yang dialami oleh negara kita pada hari ini.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa sebelum sesuatu kes itu dapat dirujuk kepada doktor, biasanya terutama sekali apabila pesakit-pesakit

itu melibatkan kes-kes yang kecil, misalnya kemalangan, demam, sakit perut dan sebagainya, biasanya pesakit-pesakit ini diberi rawatan oleh Pembantu-pembantu Hospital dan sekarang ini telah pun diubahkan namanya kepada Pembantu Perubatan. Jadi, memanglah sesuai dengan pindaan ini dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Pembantu Hospital.

Saya juga bersetuju dengan pandangan dan saranan yang diberi oleh saudara saya Wakil dari Tanjong Karang tadi bahawa Pembantu-pembantu Hospital ini mestilah mempunyai sifat-sifat kesabaran apabila memberi layanan kepada pesakit-pesakit, terutama sekali pesakit-pesakit daripada luar bandar, maktumlah mereka ini biasanya kurang biasa dengan hospital dan apabila mereka ini diberi layanan yang tidak sepatutnya dikeluarkan dengan kata-kata yang kesat, ini menyebabkan pesakit-pesakit akan menjadi takut untuk datang ke hospital untuk mendapat rawatan dan mereka sebaliknya balik ke kampung dan menggunakan cara-cara tradisi, menggunakan bomoh-bomoh dan sebagainya. Ini saya rasa akan tidak menepati dengan kehendak-kehendak negara kita, iaitu untuk menggalakkan warganegara kita terutama sekali rakyat negara kita menggunakan kemudahan-kemudahan hospital yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu saya percaya kita memberi kepercayaan kepada Pembantu-pembantu Hospital untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit, saya berharap pihak Kementerian Kesihatan adakan satu garis panduan yang khusus tentang tugas-tugas yang sepatutnya dijalankan oleh Pembantu Hospital ataupun Pembantu Perubatan ini. Kadang-kadang terdapat di mana Pembantu Perubatan ataupun Pembantu Hospital yang digelar

sekarang ini, dia dengan sewenang-wenangnya memberi cuti sakit kepada pesakit-pesakit dan tanpa merujuk kepada doktor. Saya percaya ini adalah merupakan satu amalan yang tidak seharusnya dilakukan, kerana yang lebih tahu dan yang lebih pakar ialah doktor itu sendiri. Namun demikian, saya percaya dengan adanya pertolongan yang diberi oleh Pembantu-pembantu Hospital ini akan sedikit sebanyak dapat meringankan tugas dan beban doktor-doktor di hospital-hospital, terutama sekali hospital-hospital di Negeri-negeri dan juga Daerah-daerah di mana kedapatan kekurangan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan pindaan Rang Undang-undang ini, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kesihatan supaya mencari jalan bagaimana kita hendak memberi insentif ataupun galakan kepada Pembantu-pembantu Hospital ini menjalankan tugasnya dengan baik dan dengan lebih dedikasi lagi kepada pesakit-pesakit. Misalnya saya nampak di sini apakah salahnya kita beri peluang kepada Pembantu-pembantu Perubatan untuk melanjutkan pelajarannya ataupun untuk membaiki kedudukannya dari segi jawatannya supaya mereka ini dapat dilatih sebagai doktor. Saya berkata demikian oleh kerana Pembantu-pembantu Perubatan ataupun Pembantu Hospital ini mempunyai pengalaman dari segi pengetahuan, juga dari segi praktikel dan juga dari segi rawatannya. Jadi, kalau mereka ini diberi peluang dedahkan mereka ini dengan teori-teori dan sebagainya, saya percaya adalah tidak menjadi kesusahan ataupun satu kerumitan kepada Pembantu-pembantu Hospital ini untuk mempelajari ilmu-ilmu ataupun teori-teori perubatan jika sekiranya diberi peluang. Saya berharap benar-benar kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya mengkaji akan cadangan saya ini semoga ianya sedikit

sebanyak dapat kita mencari jalan bagaimana kita hendak mengatasi masalah kekurangan doktor yang kita alami pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan di sini sungguhpun pada keseluruhannya ada Pembantu-pembantu Hospital ataupun perubatan yang menjalankan kerjanya dengan baik, dedikasi dan harus kita beri pujian, tetapi ada juga segelintir Pembantu-pembantu Hospital oleh kerana sikapnya tidak suka kepada Kerajaan telah menjalankan kerja-kerja bercanggah dengan Akta Perubatan dan sebagainya. Saya tidak dapat memberi bukti yang khusus di sini ataupun tidak dapat memberi kes yang spesifik di sini, tetapi ada saya menerima aduan-aduan daripada orang kampung oleh kerana fahamannya dari segi politik tidak sealiran dengan politik parti pemerintah, parti Kerajaan, ada kalanya Pembantu Hospital ini cuba menanamkan bibit-bibit dan unsur-unsur kepada pesakit-pesakit yang datang ke hospital supaya benci kepada Kerajaan. Ada berlaku pada hari ini. Saya berharap supaya, kalau boleh, pihak Kementerian Kesihatan dapat menyiasat perkara ini dan jika sekiranya berlaku, saya benar-benar berharap pihak Kementerian Kesihatan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada Pembantu Hospital ataupun Pembantu Perubatan yang berkenaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk membawa masalah Pembantu-pembantu Hospital yang berada di negeri saya, Negeri Terengganu. Mengikut apa yang saya faham dan apa yang saya diberi maklum bahawa Negeri Terengganu masih lagi kekurangan Pembantu-pembantu Hospital, terutama sekali Hospital-hospital Daerah. Saya berharap dan menyeru kepada pihak

Kementerian Kesihatan supaya meneliti benar-benar akan perkara ini dan kalau boleh ditambah, tambahkan lagi supaya perkhidmatan perubatan di Terengganu yang masih lagi ketinggalan dari segi kemudahan-kemudahan perubatan dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke masa, khususnya kepada kawasan Parlimen saya, iaitu Daerah Kemaman di mana Hospital Daerah Kemaman pada hari ini sungguhpun boleh dikatakan Kemaman telah pun pesat membangun oleh kerana Kemaman telah pun dijadikan pusat perindustrian petroleum dan sebagainya di mana ramai orang datang ke Kemaman bekerja, expatriate daripada syarikat-syarikat minyak datang bekerja di Kemaman, tinggal di Kemaman dan sebagainya dan mereka ini memerlukan perkhidmatan perubatan daripada hospital-hospital. Kita dapati bahawa keadaan Hospital Kemaman pada hari ini tidaklah sesuai dan perlu diberi pertimbangan oleh pihak Kementerian Kesihatan supaya ianya dibesarkan.

Saya telah difahamkan bahawa tanah telah pun ada disediakan dan pernah pada satu ketika Menteri Kesihatan yang dahulu, iaitu bekas Yang Berhormat Tan Sri Lee Siok Yew telah pun melawat ke Daerah Kemaman dan berjanji bahawa satu hospital baru akan didirikan di Kemaman, tetapi malangnya sampai hari ini tanda-tandanya masih lagi tidak

nampak dan jumlah pesakit-pesakit di Kemaman semakin sehari makin bertambah, terutama sekali kes-kes yang melibatkan kemalangan oleh kerana kenderaan sudah pun banyak di Kemaman, jadi kadang-kadang kes-kes ini terpaksa dirujuk kepada Hospital Besar Kuantan ataupun di Kuala Terengganu. Apatah lagi, Tuan Yang di-Pertua, keadaan ambulans-ambulans di Hospital Daerah Kemaman masih lagi tidak mencukupi, sudahlah itu, keadaannya adalah buruk dan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap itu terkeluar daripada tajuk. Ini hendak ubah nama Pembantu Hospital kepada Pembantu Perubatan sahaja, bukan pembinaan hospital-hospital. Sudah habiskah?

Tuan Ismail bin Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Kita bersidang dua minggu ini, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat balik dan datang pula pada hari Isnin, jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.